

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Penggah Yang Pertama  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,  
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,  
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.  
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.  
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, 2P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- J.P. “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,  
(Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l  
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.  
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,  
P.P.N. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,  
.M.S.,  
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,  
A.M.S.  
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:                      Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar,  
K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha:                      Said bin Sidik

Ketua Penolong Setiausaha:                      Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan:                      Zamani bin Haji Sulaiman

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:                              Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:              Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

**PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Zaharah binti Naim

Norwahidah binti Azizi

Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 20hb. Disember, 1995**

## Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

### D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### GURU SEMENTARA - PENGHAPUSAN

1. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
  - (a) kedudukan guru sementara yang akan, dengan izin, “will be phased out” selepas 1.1.1997;
  - (b) apakah pertimbangan pihak kementerian beliau kepada mereka iaitu guru sementara yang mempunyai pengalaman beberapa tahun mengajar tetapi tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan seperti hanya lulus di peringkat SPM dengan tidak mempunyai kredit di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan juga Matematik untuk diserapkan di dalam perkhidmatan atau dihantar ke kolej perguruan. Adalah tidak adil mereka ini diberhentikan atau tidak diambil berat selepas memberi perkhidmatan;
  - (c) apakah langkah-langkah kementerian beliau untuk mengenal pasti langkah-langkah mengatasi masalah “Kiasu” atau mementingkan diri sendiri di kalangan pelajar Malaysia khususnya di peringkat universiti; dan
  - (d) apakah langkah-langkah kementerian beliau untuk memastikan peluang-peluang pelajar khususnya luar bandar yang tidak mampu dari segi ekonomi dan kewangan akibat daripada pengkorporatan universiti tempatan kerana salah satu kesannya adalah kenaikan yuran dan kos kehidupan di universiti.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk mengambil semua Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang layak bagi mengikuti Kursus Dalam Cuti Khas (KDC). KDC khas ini akan bermula pada bulan Februari 1996 dan dijangka mengeluarkan guru-guru terlatih pada bulan Disember 1998. Dengan adanya KDC khas ini adalah diharapkan semua tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah

akan terdiri daripada guru-guru yang terlatih. Dengan itu, Kementerian Pendidikan tidak lagi memerlukan perkhidmatan guru-guru sandaran tidak terlatih.

- (b) Kementerian sentiasa memastikan mutu perguruan tidak terjejas. Oleh itu, pada setiap pengambilan guru terlatih syarat-syarat kemasukan ke maktab perguruan diberi perhatian. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah kekurangan guru dalam beberapa bidang tertentu, Kementerian Pendidikan bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat kemasukan untuk program Kursus Dalam Cuti ataupun KDC khas bagi melatih guru-guru sandaran tidak terlatih yang berpengalaman mengajar dalam bidang-bidang berkenaan. Kelonggaran syarat ini adalah hanya untuk melatih lebih ramai GSTT terutama sekali yang sedang mengajar di kawasan pedalaman.
- (c) Sehingga kini kementerian belum mengenal pasti masalah “Kiasu” atau mementingkan diri yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana banyak program yang dijalankan di universiti ke arah konsep membina diri dan konsep perpaduan. Contohnya, aktiviti kokurikulum yang telah pun dijalankan bagi setiap universiti, lawatan sambil belajar, kebudayaan dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan yang lebih kepada semangat sepasukan.
- (d) Masalah kewangan kepada pelajar akibat daripada pengkorporatan universiti tempatan adalah tidak timbul kerana perkara ini telah diambil perhatian yang serius oleh kerajaan dalam menangani isu ini. Buat masa sekarang, kerajaan sedang meneliti untuk mewujudkan satu tabung khas bagi membantu pelajar-pelajar, sementara skim pembiayaan yang sedia ada akan terus dilaksanakan.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan kerana jawapan Yang Berhormat telah memuaskan hati semua guru sandaran yang akan memasuki Kursus Dalam Cuti. Ini memang kita ucapkan terima kasih, tetapi apa akan jadi kepada guru-guru sandaran yang tidak berkelayakan, adakah mereka akan diberhentikan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pun sedang kita teliti dengan cermat dan kita akan cuba mencari jalan untuk menampung dan mengatasi masalah ini. Kita sedar akan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpuas hati dan amat menyenangkan hati saya di atas kenyataan yang dimaklumkan oleh pihak Timbalan Menteri tentang kedudukan guru-guru sandaran. Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas permakluman yang telah dimaklumkan itu, tetapi saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Dalam ucapan tadi ada disebut semua yang layak. Saya ingin mendapat pentafsiran apakah kelayakan-kelayakan yang akan diperkenakan kepada guru-guru sandaran bagi membolehkan mereka ini diserapkan sebagai guru tetap?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, 'entry point' ataupun syarat-syarat kemasukan ini memang ada kita tentukan. Sepertimana saya kata tadi, kita cuba hendak mencari jalan supaya seboleh-bolehnya kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh segolongan guru yang kita sedar, menghadapi masalah ini dapat kita tampung seboleh-bolehnya dan kita akan cuba cari jalan itu dan dalam pada itu, kita tidaklah sampai hendak mengorbankan kualiti guru-guru kita. Itulah setakat ini yang dapat saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

**Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' ada menyebutkan tentang akan mewujudkan tabung khas tadi, saya ingin tahu berapakah jumlah kewangan yang telah diperuntukkan untuk tabung ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan belum memuktamadkan perkara ini dan apabila telah dimuktamadkan oleh kerajaan akan diumumkan, insya-Allah.

## **KEWARGANEGARAAN MALAYSIA - PERMOHONAN**

2. **Tuan P. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai kes di mana seorang kanak-kanak dilahirkan di India dan setelah berumur 6 bulan kanak-kanak ini telah dibawa balik ke Malaysia. Kanak-kanak ini telah dibesarkan, belajar dan bekerja di Malaysia, ibu bapa serta adik beradiknya ke

semuanya adalah warganegara Malaysia. Beliau juga telah berkahwin dan mempunyai anak di Malaysia tetapi apabila beliau memohon kewarganegaraan permohonannya tidak diluluskan. Dapatkah pihak KDN mempertimbangkan permohonannya untuk mendapat kewarganegaraan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi permohonan kewarganegaraan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut adalah muktamad. Oleh itu, kementerian tidak bercadang untuk mempertimbangkan semula keputusan berkenaan. Walau bagaimanapun, jika pemohon masih berhasrat untuk menjadi warganegara, beliau boleh mengemukakan permohonan di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran dengan tempat tinggal beliau. Pertimbangan sewajarnya akan diberi bagi permohonan semula itu berdasarkan kerajaan berpuashati bahawa ianya telah memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kementerian menjelaskan yang mana kes-kes seperti ini banyak wujud di kalangan kaum India, Malaysian Indian community, dengan izin, bolehkah kerajaan menimbangkan satu persatu kes begini atas perikemanusiaan kerana banyak kes seperti ini wujud dalam masyarakat India?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes sebegini bukan sahaja timbul di dalam masyarakat India, ianya juga timbul di dalam masyarakat yang lain kerana mereka dilahirkan di luar negeri tidak mendaftarkan kelahiran mereka, maka di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan, tidak ada

tuntutan kerakyatan di bawah mana-mana satu seksyen ataupun peruntukan. Akan tetapi kerajaan memang menimbang mengikut Perlembagaan, mereka yang berada di dalam kategori ini boleh memohon melalui perkara-perkara yang tertentu seperti kalau sekiranya mereka sudah ada kad pengenalan merah iaitu telah pun bermastautin di Malaysia lebih daripada 12 tahun, mereka boleh memohon dengan menggunakan borang 'G' dan lulus Bahasa Malaysia yang asas selepas diteliti oleh pihak JPN, maka Kementerian Dalam Negeri boleh menimbang untuk meluluskannya. Ini memang merupakan satu-satunya cara, sebabnya ianya adalah diwajibkan di bawah Perlembagaan.

### **JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI - BANTUAN MODAL**

3. **Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memastikan badan-badan koperasi di negara ini sentiasa berdaya maju dan memberi manfaat kepada ahli-ahlinya dan juga membantu menjadikan Malaysia mencapai Wawasan 2020;
- (b) berapa bilangan koperasi bertaraf bumiputera di Sarawak yang telah mendapat bantuan dalam segi:
  - (i) modal pusingan (revolving capital);
  - (ii) kemudahan dalam bidang pendidikan dan latihan ke atas kakitangan berdaftar;
  - (iii) pendekatan ke kawasan yang berpotensi untuk menubuhkan 11koperasi; dan

- (iv) untuk meningkatkan lebih banyak bilangan koperasi di Sarawak agar lebih maju dan berdaya saing apa perancangan masa depan kementerian untuk mencapai matlamat tersebut.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

**[Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Melalui pendekatan program Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah mengambil langkah-langkah berikut dalam memastikan badan koperasi di negara ini sentiasa berdaya maju dan memberi manfaat kepada ahli-ahlinya:
  - (i) di bawah program pengembangan JPK, JPK telah mengadakan seminar, kursus dan bengkel pengurusan koperasi dalam aspek pengurusan perniagaan, kewangan dan perakaunan. Sepanjang 1993 hingga 1995, sejumlah 1,186 kursus dan bengkel telah diadakan.
  - (ii) JPK telah mengadakan klinik-klinik akaun bagi merawat koperasi bermasalah dalam penyelenggaraan akaun. Bagi tempoh 1993 hingga 1995 sebanyak 450 klinik akaun telah diadakan.

- (iii) mengeluarkan bantuan utama kepada koperasi-koperasi dalam bentuk pekeliling kemajuan pentadbiran dan pengurusan koperasi bagi membantu mempertingkatkan tanggungjawab lembaga dalam tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan dan juga bagi memastikan perkara-perkara penting dalam pengurusan dan perjalanan koperasi telah dibincangkan dan keputusan terbaik untuk masa depan koperasi telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program sokongan pentadbiran, Jabatan Pembangunan Koperasi memperlengkapkan pegawai dan kakitangan dengan latihan dalam pengurusan kewangan, pelaburan, perakaunan dan perundangan bagi menjamin perkhidmatan yang berkualiti dapat diberikan kepada koperasi dalam menjalankan tugas membimbing dan menunjuk ajar.

Di bawah program kawal selia, JPK mengambil tindakan penguatkuasaan dan kawalan mengikut Akta Koperasi 1993 terhadap pengurusan koperasi bagi memastikan pengurusan kegiatan koperasi dijalankan secara

bertanggungjawab dan berketelusan.

Dalam tempoh 1994/1995 sejumlah 101 koperasi telah diletakkan di bawah pemeriksaan Seksyen 64 Akta Koperasi 1993 untuk menentukan pematuhan koperasi kepada peraturan-peraturan undang-undang.

Di bawah program bantuan ekonomi, JPK menyediakan bantuan kepada koperasi-koperasi yang menghadapi masalah kewangan dalam menjalankan aktiviti yang berdaya maju dan bermanfaat kepada ahli daripada peruntukan bantuan pembangunan dan tabung modal pusingan. Bagi tempoh 1994/1995 sebanyak RM0.8 juta bantuan pembangunan telah dikeluarkan kepada 300 buah koperasi dan sebanyak RM39.3 juta pinjaman tabung modal pusingan telah dikeluarkan kepada 114 buah koperasi.

- (b) Sebuah koperasi di Sarawak iaitu Koperasi Bank Pusat Sarawak Berhad telah mendapat bantuan pinjaman melalui Tabung Modal Pusingan (TMP), Jabatan Pembangunan Koperasi sebanyak RM2.5 juta. Kursus latihan termasuk bengkel, seminar kerap diadakan supaya pendidikan koperasi dijalankan secara berterusan. Sebanyak 343 koperasi di Sarawak telah mendapat manfaat daripada 135 kursus,

bengkel dan seminar yang diadakan dalam tempoh 1994/1995.

Tuan Yang di-Pertua, 27 ceramah-ceramah penerangan untuk memberi kefahaman tentang prinsip dan faedah berkoperasi telah diberikan kepada 78 koperasi yang telah dikenal pasti berpotensi ditubuhkan di kawasan Sarawak dalam tahun 1994/1995.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kerajaan akan mempergiatkan usaha-usaha di bawah program-program JPK yang telah dinyatakan terutamanya meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan pengetahuan di kalangan anggota dan pemimpin koperasi dalam tatacara pengurusan, perniagaan, kewangan dan perakaunan serta memberi bimbingan, tunjuk ajar dan penyeliaan yang berterusan kepada koperasi agar koperasi-koperasi ditadbir secara teratur dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah di atas apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Soalan saya adalah, adakah kerajaan setakat ini membuat perancangan khas untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam koperasi yang jumlahnya kini adalah satu pertiga daripada seluruh gerakan koperasi itu sendiri

dan apakah perancangan-perancangan tersebut?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak mengklasifikasikan jantina anggota-anggota koperasi. Kita merasakan bahawasanya wanita di dalam koperasi menerima hak yang sama sepertimana kaum-kaum lain dan sumbangan mereka sebenarnya adalah tidak kurang juga hebatnya kalau dibandingkan dengan lelaki.

Jadi, oleh itu, kita merasakan tidak ada perlunya kita mengadakan satu perkara atau program khas bagi wanita kerana wanita telah pandai mengambil tempatnya dalam masyarakat masa kini.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Pertama, apakah Yang Berhormat sedar bahawa pergerakan koperasi sekarang ini makin sehari makin lembab. Ini merupakan trend sekarang dan apakah mungkin ini kerana perkembangan pergerakan ekonomi yang begitu pantas sehinggakan pergerakan koperasi bukan lagi satu yang diminati oleh rakyat sekarang ini?

Oleh itu, saya ingin bertanya Yang Berhormat, ini menunjukkan bahawa satu dasar baru mesti dibentuk berhubung dengan pergerakan koperasi kerana sebagai contoh Koperasi Usaha Bersatu sudah pun memohon untuk diperbadankan kerana ianya bukan lagi 'vehicle' yang dikira boleh mengambil bahagian yang cergas dalam perkembangan ekonomi semasa.

Perkara yang kedua, apakah Yang Berhormat sedar di tiap-tiap daerah wujud apa yang dikatakan pengembang koperasi dan kebanyakan mereka ini boleh

dikatakan macam 'goyang kaki', tidak banyak tugas dan peranan, walaupun dikatakan ada berbagai kursus tetapi saya tidak tengok banyak kemajuan yang dibuat oleh pengembang-pengembang koperasi ini di daerah masing-masing? Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya dan pada hemat kementerian Yang Berhormat Senator tadi memang sebenarnya seorang yang aktif dan mempunyai ekspektasi yang amat tinggi di dalam sesuatu gerakan, tetapi saya memilih untuk tidak dapat bersetuju dengan beliau bila Yang Berhormat menyatakan bahawasanya koperasi yang ada sekarang ini menghadapi keadaan atau tempoh masa yang lembab.

Sebenarnya, bolehlah saya nyatakan bahawasanya perkembangan koperasi kini adalah dalam kadar purata di mana pertumbuhannya melebihi 10% hingga 15% dari segi keanggotaannya. Dari segi modalnya pun begitu juga. Sehingga pada hari ini, modal anggota-anggota koperasi yang berbayar adalah melebihi dua, tiga bilion, dan harta yang dimiliki oleh badan-badan koperasi sekarang sudah sampai ke tahap hampir RM10 bilion.

Pada ketika ini, koperasi-koperasi sedang giat memberi dividen yang begitu hebat - kalau kita tetapkan 10% sebagai maksima, hari ini banyak koperasi yang minta kalau boleh diberi dividen 15% - ada yang hendak beri 20% dan dua, tiga tahun kebelakangan ini - 1994, 1995 - sebanyak 460 buah koperasi baru yang telah diwujudkan dan telah diminta ditubuhkan dan hanya 39 buah koperasi telah

ditutup, bererti bahawasanya dalam tempoh masa itu wujud, nett growth, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar baru kementerian sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana itulah kita dapati bahawasanya Dewan ini telah membuat pindaan kepada Akta Koperasi baru-baru ini untuk menentukan bahawa koperasi boleh memainkan peranan yang lebih dinamik dan ini akan membuka lembara baru kepada koperasi seperti KUB, untuk dikorporatkan dan seterusnya di senaraikan dalam Bursa Saham. Oleh itu, langkah-langkah yang berterusan akan diambil oleh kementerian atas pandangan Yang Berhormat untuk mewujudkan dasar-dasar yang lebih agresif.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengembang-pengembang koperasi saya tidak berhasrat hendak apologetic, tetapi saya mengambil pandangan Yang Berhormat secara positif dan akan melihat sama ada boleh dibaiki peranan yang dimainkan oleh pengembang-pengembang koperasi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah kedudukan sebuah koperasi iaitu Koperasi Pembangunan Negara setakat masa sekarang?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini adalah perkara spesifik, saya perlukan notis dan saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

#### **PENARIKAN BALIK GSP - KESAN EKSPORT**

**4. Tuan Low Kai Meng** minta<sup>18</sup>Menteri Perdagangan Antarabangsa

dan Industri menyatakan, memandangkan Amerika telah mengiystiharkan penarikan Sistem Keutamaan Am yang diberikan kepada Malaysia, adakah pengumuman ini mendatangkan apa-apa kesan buruk terhadap perusahaan dan perindustrian negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, penarikan balik status GSP oleh Amerika Syarikat mulai 1.1.1997 tidak akan menjejaskan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat dan tidak sepatutnya dijadikan sebagai penghalang untuk terus mempertingkatkan eksport ke pasaran tersebut. Ini memandangkan perbezaan cukai di bawah skim GSP berbanding dengan tahap cukai di bawah status negara keutamaan 'most favourite nation' (MFN), dengan izin, sememangnya akan berkurangan secara progresif berikutan dengan persetujuan penurunan cukai daripada tahun 1995 hingga tahun 1999 oleh negara-negara tersebut di bawah Rundingan Pusingan Uruguay.

Penarikan balik status GSP terhadap Malaysia adalah berasaskan bahawa Malaysia telah dianggap sebagai pengeksport yang kompetitif. Rekod penggunaan skim GSP Amerika Syarikat pada tahun 1994 menunjukkan Malaysia telah menguasai 27.4% dari jumlah keseluruhan import di bawah skim GSP negara tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, eksport Malaysia ke Amerika Syarikat di bawah skim GSP pada tahun 1990 bernilai RM2,326 juta ialah 17% dari keseluruhan eksport Malaysia ke negara tersebut. Bagi tahun 1994 ianya bernilai RM5,920 juta atau 18% dari jumlah keseluruhan eksport ke Amerika Syarikat.

Dalam hubungan ini, pengumuman penarikan balik status GSP oleh Amerika Syarikat perlulah dilihat sebagai satu cabaran yang positif ke arah memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu barangan Malaysia supaya berdaya saing dan berdaya tahan di pasaran antarabangsa. Di samping itu juga, produk keluaran Malaysia perlulah menerokai pasaran-pasaran baru dan juga mengarah ke laluan-laluan pasaran di bawah skim GSP lain-lain negara yang masih belum digunakan sepenuhnya oleh para pengeksport Malaysia.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa Malaysia tidak akan terjejas kalau pihak Amerika Syarikat menarik balik GSP ini. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, kalau Amerika menarik GSP - bising dalam surat khabar dan mereka buat bermacam-macam. Saya pun marah juga kepada Amerika ini, cuma saya hendak tahu apa sebab? Kadang-kadang macam ada kontradik - saya bersetuju dan percaya bahawa Malaysia sudah bersedia menghadapi cabaran kalau Amerika Syarikat menarik balik GSP, tetapi kita belum lagi sampai ke tahap negara maju yang sepenuhnya.

Jadi, selain daripada persiapan menghadapi cabaran tersebut apakah lagi usaha kerajaan untuk membolehkan Amerika Syarikat tidak menarik GSP ini, sama ada melalui cara-cara diplomatik atau pun misalnya Yang Berhormat sendiri pergi ke Amerika yang mungkin boleh menarik minat yang menyebabkan Amerika menukar keputusan untuk menarik balik GSP ini?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hessein:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang

Berhormat Datuk telah menjawab soalnya sendiri. Menteri kami bising kerana alasan yang diberikan oleh Amerika Syarikat memang tidak munasabah, tidak adil dan tidak wajar. Memang sesungguhnya kita lihat ada double standard, berbezanya layanan mereka terhadap negara kita berbanding dengan negara-negara lain. Kalau kita lihat dari segi pendapatan perkapita atau syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Amerika Syarikat, ianya adalah bercanggah dengan keputusan yang diberikan baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, kita harus menerima hakikat bahawa kemudahan GSP ini adalah kemudahan sementara sahaja. Dan keduanya, kuasa dan keputusan mengenainya ada di dalam tangan sebuah pihak sahaja dan kita sebelum ini telah pun berunding dengan Amerika Syarikat bagi tujuan mengekalkan kemudahan ini dan jelas bahawa rundingan dan usaha-usaha kita, termasuklah sekiranya saya pergi ke Amerika Syarikat dan berunding dengan mereka, ianya tidak akan berjaya. Maka kita terima hakikat dan melihatnya sebagai satu cabaran serta memikirkan satu gerak kerja yang lebih pro-aktif seperti yang saya sebutkan iaitu meningkatkan keluaran, memperbaiki keupayaan masing-masing, memastikan terus berdaya saing dan mempelbagaikan destinasi eksport kita.

## **PENYELUDUPAN KAYU GERGAJI - KAWALAN**

**5. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian beliau terhadap pengusaha kilang papan di Semenanjung Malaysia yang melakukan kegiatan penyeludupan kayu gergaji ke beberapa buah negara luar.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu**

**Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal aktiviti penyeludupan kayu, Kementerian Perusahaan Utama melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kawalan eksport ke atas spesis-spesis kayu yang dikenakan kuota dan levi eksport di pintu-pintu keluar negara;
- (ii) mengadakan pemeriksaan secara rambang ke atas kayu yang dieksport menerusi kontena;
- (iii) menubuhkan pasukan penguatkuasa bergerak bagi mengatasi aktiviti pengeksportan kayu;
- (iv) meningkat dan mendapatkan kerjasama dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi mengawasi di pintu keluar negara; dan
- (v) menambahkan bilangan pegawai merinyu kawalan mutu bagi melaksanakan tugas penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengeksport yang didapati menjalankan aktiviti penyeludupan dan membuat pengisytiharan palsu akan diambil tindakan dengan membatalkan, menggantung atau tidak memperbaharui lesen pengeksportan kayu mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Rashid, macam mana? Setuju dengan jawapan itu? Kilang papan, kayu papan dengan kayu biasa. Ya, sudah puas? Saya beri peluang kalau hendak soal-soalan tambahan.

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Minta langkah-langkah tadi sudah

dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah jelas ya? Baik, Dato' Zuki.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya tahu susah untuk hendak menangkap pengeksport-pengeksport kayu gergaji ini. Kadang-kadang dia bubuh kayu gergaji yang diketam, kayu gergaji mesti diketam di luar. Di dalam itu penuh dengan kayu yang tidak diketam lagi. Jadi, kalau mengikut undang-undang salah itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, setakat ini berapa banyakkah tauke-tauke syarikat kilang papan yang telah kena denda dan juga berapa banyak kilang-kilang papan yang telah digantung lesennya disebabkan oleh kesalahan ini?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kesalahan-kesalahan yang telah dikesan oleh MTIB adalah berkaitan kesalahan melanggar perintah ses kayu yang diperbuat di bawah seksyen 20 Akta LPKM semasa melakukan pengeksportan. Ini adalah berupa kesalahan kurang isytihar dan pengisytiharan palsu yang telah menggalak membayar ses eksport yang berkenaan.

Bilangan kes yang dinyatakan adalah termasuk kes-kes yang dikenakan tindakan kompaun oleh Jabatan Kastam. Pada 1994, ada 90 kes. 1995 sehingga 19hb. Disember - 77 kes. Bagi tahun 1995, bilangan kes yang dikesan mengikut pintu keluar adalah seperti berikut:- 57 kes di Kompleks Imigresen, Rantau Panjang; 3 - Kompleks Kastam, Johor Bahru; 7 - Pelabuhan Kelang, 7 - Pelabuhan Kuantan dan 3 - Pelabuhan Pulau Pinang di Butterworth.

Tindakan yang telah diambil ke atas kes-kes yang telah dikesan adalah tindakan untuk menggantung pendaftaran pada tahun 1995 - 2 kes. Tindakan membatalkan pendaftaran - 2 kes dan kompaun oleh Jabatan Kastam - 51 kes.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapat maklum, kayu ini ada berbagai-bagai jenis. Bolehkah pihak Timbalan Menteri memaklumkan apakah jenis kayu yang sangat suka diseludup ke negara-negara luar?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tentang itu tetapi memang ada jenis-jenis kayu terutama kayu yang di mana levinya adalah pada kadar RM120 hingga RM250 meter sepadu yang di mana eksport seperti kayu ini oleh kerana diperlukan oleh industri, maka kemungkinan ini yang kebanyakan berlaku di mana penyeludup mencuba untuk menyeludup kayu-kayu seperti kayu cengkal, damar, minyak, jelutong, sepitir, kembang semangkuk, nyatoh, ramin, dark red, meranti dan pelbagai lagi. Ada 250 jenis kayu gergaji.

#### **PUSAT MAKLUMAT PELANCONG - PERANAN**

6. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan peranan pusat maklumat pelancong dalam mempertingkatkan industri pelancongan dan adakah kerajaan merancang untuk memperbanyakkan lagi pusat-pusat tersebut serta menambah perkhidmatan bagi kemudahan dan keperluan pelancong-pelancong daripada dalam dan luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian

sehingga kini telah membina 24 buah pusat penerangan pelancongan di seluruh negara dan pusat-pusat penerangan ini dikendalikan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau LPPM dan juga oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Tempat-tempat tersebut termasuklah di Langkawi, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Kota Kinabalu, Labuan, Kuala Lumpur dan Kuching. Pusat-pusat penerangan pelancongan ini bertindak sebagai tempat mempergiatkan aktiviti galakan bagi rakyat tempatan dan pelancong luar negeri untuk mendapatkan maklumat mengenai pelancongan di Malaysia.

Pada masa ini, semua maklumat mengenai pelancongan di seluruh Malaysia di pusat-pusat penerangan yang dikendalikan oleh LPPM telah dimasukkan di dalam komputer dan dengan itu, pelancong-pelancong tempatan dan luar negeri akan memperolehi maklumat ini dengan lebih cepat dan tepat.

Kementerian memang mempunyai hasrat untuk membina dan mempertingkatkan kemudahan di pusat-pusat maklumat pelancongan di masa akan datang terutamanya di tempat-tempat strategik yang menjadi tumpuan pelancong. Ini tertakluk kepada peruntukan yang akan disediakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya nampak tadi, 24 buah. Saya merasakan ia adalah satu angka yang agak kecil. Mengikut kata Yang Berhormat tadi, bahawa akan ada perancangan di masa hadapan. Soalannya kini, adakah kerajaan bercadang untuk melebarkan pusat-pusat ini ke pekan-pekan yang kecil ataupun tempat yang berpotensi untuk menarik pelancong?

Soalan kedua, saya ingin bertanya, adakah kerajaan di dalam menambahkan lagi pusat-pusat ini, merancang untuk memberi galakan ataupun apakah program kerajaan untuk menggalakkan dan menarik lebih ramai lagi rakyat

Malaysia melancong di tempat di dalam negara sendiri memandangkan bahawa dengan berbuat demikian, kita dapat mengawal pengeluaran wang negara dan dapat memupuk rakyat Malaysia menghargai tempat-tempat indah di negara sendiri?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian bersetuju bahawa tempat-tempat pertanyaan ini, maklumat pelancongan ini patut ditambah lagi. Walau bagaimanapun, untuk menentukan supaya satu-satu tempat itu perlu didirikan pusat penerangan bergantunglah kepada kehendak di tempat itu. Kita ingin mengelakkan daripada pembaziran wang di mana sekiranya tempat itu didirikan dan ditempatkan pula beberapa pegawai di situ, tetapi ianya kurang diperlukan.

Walaupun bagaimanapun, pusat-pusat penerangan yang ada sekarang ini mampu untuk memberikan maklumat yang diperlukan kerana ianya dipilih kepada tempat-tempat yang strategik dan selalunya tempat jalan masuk atau pintu masuk negara atau tempat-tempat pelancongan yang selalu dikunjungi oleh pelancong-pelancong.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, untuk mempertingkatkan lagi pelancongan domestik. Sememangnya kerajaan berhasrat untuk menggalakkan dan menambahkan lagi angka pelancongan domestik ini. Sebab itulah kalau Yang Berhormat memandu kereta dari Utara ke Selatan mengikuti Lebuhraya Utara-Selatan itu, ternampak beberapa papan iklan yang menarik minat atau hati orang ramai supaya melancong ke negeri sendiri dahulu.

Walaupun bagaimanapun, bukan itu sahaja langkah-langkah yang dilakukan. Melalui satu rancangan program yang berjalan selama 8 bulan, yang diberi nama bertajuk 'Malaysia Tempat Pelancongan Yang Menakjubkan'. Kita memberi maklumat-maklumat dan terus kepada pendengar-pendengar melalui Radio I. Malangnya program ini baru sahaja ditamatkan dan sekiranya dahulu kita tahu Yang Berhormat ingin untuk mengambil bahagian di dalam program ini, kita boleh

jemput Yang Berhormat turut serta.

Dalam program ini, kita memberikan maklumat-maklumat tentang tempat-tempat pelancongan yang menarik di dalam negara kita dan selepas itu, kita mengadakan soalan dan sesiapa yang boleh menjawab soalan ini, kita memberi hadiah berupa tempat tinggal percuma di beberapa tempat yang menarik di negara kita ini dan kementerian dapati, melalui program ini nampak pelancongan domestik ini bertambah.

Walaupun bagaimanapun, statistiknya tidak dapat kita beri secara khusus kerana pelancong dalam negeri ini tidak dapat dikesan. Kita boleh pergi melawat ke mana-mana tanpa membuat sebarang laporan ataupun berpandukan kepada mana-mana perangkaan. Walaupun kita tahu daripada tempahan tempat-tempat tinggal itu terdapat sejumlah angka yang bertambah banyaknya datang daripada mereka yang datang dari dalam negeri. Walaupun....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat sudah cukup jelas itu, Yang Berhormat.

*[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tak sabarkah, Tuan Yang di-Pertua?

*[Ketawa]* Saya mengambil masa yang panjang ini kerana kita hendak mengelakkan daripada kementerian tertuduh tidak berikhtiar sedemikian untuk menggalakkan pelancongan domestik ini. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih di atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan kepuasan hati orang yang bertanya tadi.

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pendek sahaja dan jawapannya pun saya harap, pendek jugalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh tengok tu. Kita boleh tengok dahulu. Soalannya boleh jadi pendek, tetapi jawapannya belum tahu lagi macam mana.

**Tuan Rahim bin Baba:** Menurut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, sekarang terdapat 24 pusat pelancongan di dalam negara. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang mengadakan pusat-pusat pelancongan di luar negara, umpamanya dengan kerjasama pihak MAS ataupun melalui kerjasama dengan pihak Kedutaan kita yang terdapat di luar negara?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Kalau Tuan Yang di-Pertua inginkan jawapan yang paling pendek, saya jawab, ya. Walau bagaimanapun, untuk memuaskan hati Yang Berhormat yang bertanya tadi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimanapun saya biarkan juga menjawab.

*[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih. Kita sekarang ini mempunyai 12 pusat penerangan di luar negara di mana tiap-tiap satu itu kita menempatkan pegawai yang bertauliah yang menjalankan tugas-tugas di sana. Kita sentiasa mengkaji tempat-tempat yang baru, misalannya Afrika Selatan dan kita mengkaji untuk menghantar pegawai ke Amerika Selatan dan beberapa tempat di negara yang baru yang mana mewujudkan hubungan dua hala dengan Malaysia. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada kemampuan peruntukan.

## **TEKNOLOGI MAKLUMAT - KEBERKESANAN KESEDARAN**

7. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar amenyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang pentingnya kemahiran menguasai teknologi maklumat dan faedah menggunakan Internet.
- (b) apakah rancangan dan matlamat kerajaan dalam usaha meningkatkan keberkesanan teknologi maklumat negara; dan
- (c) adakah satu stesen network iaitu Jaring sudah mencukupi untuk menghadapi permintaan talian yang semakin meningkat. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membukakan monopoli ini dan memberikan persaingan dalam perkhidmatan tersebut.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu**

**Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Maklumat tentang Internet sememangnya telah tersebar dengan meluas di Malaysia melalui akhbar-akhbar dan televisyen serta radio telah memainkan peranan utama untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang Internet.
- (b) Kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merancang pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat di Malaysia secara yang lebih teratur dan berkesan. Pelbagai projek pada peringkat negara telah juga

dilaksanakan. Ini termasuklah Electronik Data Interchange (EDI), dengan izin, Saver Service Line (SSL), Joint Advance Research Integrated Networking (Jaring), Public Service Network (PSN), dan sebagainya.

- (c) Jaring mempunyai 20 stesen di seluruh negara. Sebanyak 100 stesen lagi sedang dirancang untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Bilangan talian akan sentiasa ditambah mengikut keperluan.

Adalah tidak tepat untuk mengandaikan bahawa Jaring adalah satu monopoli. Operasi Jaring dan Internet mempunyai 4 komponen;

- (i) sambungan antarabangsa;
  - (ii) rangkaian tulang belakang ke seluruh negara;
  - (iii) sambungan dan khidmat sokongan pengguna;
- dan
- (iv) perkhidmatan nilai tambah.

Operasi Jaring sekarang ialah untuk membolehkan sambungan antarabangsa dan rangkaian tulang belakang ke seluruh negara dikongsi oleh semua pihak yang menjalankan perkhidmatan sambungan dan

khidmat sokongan pengguna dan perkhidmatan nilai tambah.

Matlamatnya ialah untuk mengurangkan kos kepada pengguna dan mempercepatkan pembangunan kandungan maklumat tempatan dan aplikasi yang berkaitan. MIMOS sedang mengambil langkah untuk melantik syarikat-syarikat bagi memberi perkhidmatan sambungan dan sokongan pengguna. Kerajaan merancang untuk memberi kebenaran sepenuhnya kepada mana-mana pihak untuk menyediakan perkhidmatan nilai tambah berasaskan Internet.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu bahawa kadangkala terjadi cross line oleh kerana pengguna dan permohonan pelanggan melebihi kemampuan atau kapasiti. Apakah tindakan kementerian terhadap masalah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalah cross line.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Kita tidak nafikan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Usaha-usaha untuk membetulkan ini sedang dibuat.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Gabenor Bank Negara sendiri telah pun menyatakan kemungkinan boleh berlakunya penyelewengan ataupun penipuan yang dilakukan melalui Internet. Jadi, adakah

pihak kementerian telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kemungkinan berlakunya penyelewengan ataupun penipuan melalui rangkaian Internet ini?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan langkah-langkah kerajaan dalam menggalakkan penduduk tempatan, syarikat-syarikat, agensi-agensi ataupun jabatan-jabatan kerajaan dalam mengeluarkan maklumat iaitu menjana maklumat untuk kegunaan orang luar? Sekarang ini, kemungkinan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan Internet untuk consume maklumat daripada luar yang mungkin menguntungkan kita, tetapi dari segi peningkatan maklumat kepada dunia dari Malaysia, mungkin tidak banyak. Jadi, apakah langkah-langkah kita dalam usaha untuk menambahkan maklumat yang dijanakan oleh Malaysia sendiri?

Yang kedua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja, cukup.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Satu sahaja? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tersalah tadi, beri dua orang kemukakan dua soalan tambahan.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk

menambah itu memang ada. Kita baru sahaja dalam dunia dipanggil ‘super highway’. Jadi, langkah-langkah untuk menambah, menghantar dan menerima. Memang, apabila boleh menghantar, boleh menerima. Ini memang sedang giat dijalankan seperti tambahan talian, kerana nampaknya pertumbuhannya memang cepat sekali, iaitu 22% satu bulan, kerana kita baru dalam dunia ini. Itu sahaja langkah-langkah untuk mengembangkan dan menghantar maklumat ini memang ada.

### **PROGRAM RAKAN MUDA - KAJIAN MENDALAM**

**8. Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilakah masanya dan bagaimana pihak kementerian akan membuat kajian mendalam mengenai program Rakan Muda.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato’ Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini tidak berapa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa prihatin dalam menentukan program-program yang dijalankan memberi faedah dan kesan positif kepada anak-anak muda. Oleh itu, dalam menjalankan program yang bersifat jangka panjang ini, sudah tentulah masih terlalu awal untuk mengukur keberkesanan secara total.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh setahun pelaksanaannya, Kementerian Belia dan Sukan sudah pun mengambil langkah awal dengan mengadakan kajian bagi mengetahui kejayaan dan kelemahan program secara lebih tepat. Ia telah bermula dari pertengahan Oktober tahun ini hingga penghujung Disember tahun ini.

Fasa pengenalan Program Rakan Muda ini dikaji melalui aspek-aspek

berikut iaitu penilaian pencapaian program berbanding objektif, penilaian keberkesanan jentera dan sistem pelaksanaan dan penilaian awal impak sosial program.

Untuk fasa pengenalan program ini telah pun diadakan Seminar Pembangunan Program Rakan Muda pada 4hb. Disember tahun ini. Bagaimanapun, kajian awal yang dibuat pada pertengahan tahun ini ada menunjukkan bahawa generasi muda adalah terdorong untuk menyertai program-program yang membina dan memberi manfaat kepada diri mereka serta sekaligus membawa manfaat kepada negara.

Gerakan pembangunan belia telah dapat dihidupkan semula dan ditingkatkan dengan melibatkan NGOs dalam pelaksanaan program. Kejayaan besar program ini ialah hasil daripada sokongan masyarakat khususnya para ibu bapa dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini akan mengadakan kajian yang mendalam dan berterusan terhadap program ini dari masa ke semasa seiring dengan perjalanan program-program tahun-tahun seterusnya. Pada keseluruhannya, Kementerian Belia dan Sukan amat berpuas hati dengan minat dan sambutan yang diberikan lebih-lebih lagi dari sektor awam dan swasta.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, kita pun berkeyakinan bahawa pihak Kementerian Belia dan Sukan berharap penuh supaya garis panduan Rakan Muda akan dipatuhi dan bagaimanakah pihak kementerian memegang

steering supaya matlamat Rakan Muda itu tidak lari?

**Tuan Yang di-Pertua:** Steering!

**Dato' Loke Yuen Yow:** Steering keretakah atau steering apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Fahamlah itu. *[Ketawa]*

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sebenarnya apabila Program Rakan Muda ini dilancarkan beberapa tahun yang lalu, pihak Kementerian Belia dan Sukan pun bimbang bahawa matlamat asal Program Rakan Muda ini tidak akan diikuti ataupun difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Untuk menjayakan Program Rakan Muda ini, kementerian tidak mempunyai jentera yang cukup untuk melaksanakan Program Rakan Muda ini di seluruh negara. Kita meminta persatuan-persatuan ataupun pihak-pihak NGOs khasnya persatuan-persatuan belia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang ada di bawah Program Rakan Muda dan di sini setiap kali kita mengingatkan persatuan-persatuan yang mengadakan aktiviti-aktiviti di bawah Program Rakan Muda, bahawa matlamat asal Program Rakan Muda ini adalah ditujukan kepada kelompok belia antara umur 17 tahun hingga 25 tahun iaitu kelompok belia yang kebanyakan mereka sentiasa melepak ataupun mereka berpotensi melepak ataupun melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak sihat seperti bohsia dan juga dadah. Ini adalah matlamat yang asal.

Nampaknya sekarang ini St. John Ambulance hendak masuk, Scout hendak

masuk, Kementerian Belia dan Sukan ingin menyokong tetapi nampaknya susah bagi kita kerana kawasan itu terlalu luas dan sehingga hari ini kajian telah dibuat, matlamat asalnya lari sedikit tetapi sekarang telah dibetulkan dan kita yakinlah bahawa matlamat asal akan dicapai.

### **SIARAN RTM DI PENSIANGAN, SABAH - GANGGUAN**

9. **Tuan Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Penerangan menyatakan:-
- (a) apakah kementerian menyedari bahawa siaran RTM di daerah Pensiangan Sabah langsung tidak mendapat sebarang siaran;
  - (b) apakah rancangan RTM mengatasi masalah ini; dan
  - (c) bilakah RTM melaksanakan Radio Keningau yang telah lama dirancang.

#### **Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang sedar siaran radio dan televisyen RTM di daerah Pensiangan masih tidak jelas penerimaannya. Perkara ini berlaku disebabkan keadaan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan dengan demikian kawasan ini menjadi kawasan terlindung.

Memandangkan ketiadaan kemudahan infrastruktur telekomunikasi di kawasan ini, pembinaan stesen pemancar radio dan televisyen tidak dapat dilaksanakan kerana tiada isyarat radio dan televisyen yang sampai ke stesen pemancar yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, projek stesen pemancar radio dan televisyen yang akan meliputi daerah Pensiangan telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan dijangka dapat dilaksanakan apabila

Satelit Measat beroperasi pada tahun 1997.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebab kawasan-kawasan yang berkenaan tidak mendapat liputan yang jelas, tidak mendapat penerimaan yang jelas dan saya percaya di Sabah banyak lagi tempat yang lain bukan sahaja di tempat-tempat yang dibangkitkan, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar lesen tahunan kepada tempat-tempat di mana penerimaannya tidak begitu baik?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengenakan lesen radio tetapi lesen TV akan tetap dengan harga yang telah ditetapkan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan lebih kurang dua tahun lagi daripada sekarang baru Satelit Measat ini siap dan pada waktu itu kemungkinan besar daerah Pensiangan ini masih tersisih daripada menerima siaran RTM, apakah ada kelonggaran untuk pengguna-pengguna di daerah Pensiangan ini menggunakan parabola yang mana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan pihak kementerian, parabola amat mudah untuk diperolehi daripada Indonesia di tempat itu?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Measat bukan akan dilancarkan dua tahun lagi tetapi pada tahun hadapan. Dengan pelancaran Measat tentulah kawasan tersebut akan menerima isyarat dan siaran sama ada radio atau TV RTM.

Berkaitan dengan parabola sebagai kemudahan disebabkan tiada pemancar pada hari ini, kerajaan juga sedar bahawa terdapat parabola yang digunakan secara haram di beberapa kawasan di Sarawak dan di Sabah. Namun demikian, kita tidak memberi kemudahan itu sehingga Measat dilancarkan, barulah parabola ini dapat digunakan di seluruh negara.

### **PEKERJA ASING - KEMASUKAN**

10. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah menteri sedar bahawa kemunculan pekerja-pekerja asing sering mengancam keselesaan pekerja tempatan kerana banyak majikan yang tidak bertanggungjawab hanya mementingkan keuntungan mereka dan mengeksploitasikan situasi ini;
- (b) adakah kerajaan mempunyai cadangan menghentikan kemasukan pekerja asing seumpamanya dari negara Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, India dan sebagainya; dan
- (c) berapa lamakah kerajaan akan membenarkan pekerja asing berleluasa di negara kita dan adakah rancangan kerajaan untuk mengemaskinikan keperluan tenaga dalam pasaran pekerja tempatan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kemasukan pekerja asing ke negara ini adalah atas sebab masalah kekurangan pekerja tempatan. Bagi memastikan kedatangan pekerja asing tidak menjejaskan atau mengancam peluang pekerjaan tempatan, kebenaran menggaji mereka dihadkan di sektor-sektor

yang benar-benar terdapat kekurangan pekerja seperti sektor perladangan, pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan iaitu pembantu rumah dan pekerja stesen minyak.

- (b) Sehingga kini pada dasarnya kerajaan tidak bercadang untuk memberhentikan kemasukan pekerja asing dari lima negara iaitu dari Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Thailand dan Filipina.
- (c) Langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan bagi mengemaskinikan keperluan tenaga dalam pasaran pekerja tempatan ialah menggalakkan penggunaan automasi di dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan serta menggalakkan penempatan semula kegiatan-kegiatan ekonomi negara-negara jiran seperti Vietnam, Indonesia dan Filipina.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah foreign exchange yang keluar daripada negara kita melalui pekerja-pekerja asing?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikira benar-benar net foreign exchange yang mengalir keluar ataupun hilang, memang sukar hendak dikira sebab kemasukan pekerja asing ini, sumbangan mereka sebenarnya jauh lebih besar daripada pengaliran wang keluar. Kerana adanya kemasukan mereka banyak pelabur telah masuk. Jadi, pelaburan jauh lebih banyak

daripada gaji mereka. Kalau kita hendak kira dari aspek mana, kalau saya kata hanya diambil gaji balik dan tidak mendatangkan apa-apa keuntungan, itu tidak adil dan tidak tepat. Jadi, saya rasa kiraan itu susah untuk saya berikan.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramaikah pekerja asing yang dibenarkan bekerja di negara kita ini mengikut negara asal mereka dan berapa ramaikah pekerja asing ini yang diistilahkan sebagai pendatang-pendatang haram yang berada di negara kita?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Jabatan Imigresen, sehingga pertengahan tahun ini seramai 108,222 orang pekerja asing telah didaftar ataupun dikeluarkan permit kerja di Semenanjung Malaysia, tidak termasuk di Sabah dan bagi mereka yang telah ditahan, yang dikatakan datang tanpa izin di bawah operasi sejak 1992 hingga 1994 terdapat 125,000 lebih. Ini adalah sebahagian daripada statistik. Yang datang tanpa izin memang ada angka-angka yang susah untuk kerajaan menganggarkan.

Kalau hendakkan pecahan mengikut negeri, pada keseluruhannya Indonesialah yang paling banyak, yang pastinya 220,823 orang, yang selainnya ialah Bangladesh dan Filipina yang banyak. Secara tepat saya tidak ada angka ini sebab angka yang ada di sini sudah bercampur-campur di antara negara-negara ini. Di masa akan datang kalau Yang Berhormat berminat, bolehlah mengemukakan satu soalan untuk meminta pecahannya.

## MAS - LARANGAN MEROKOK DALAM PESAWAT

11. **Tuan Zeevil @ Shanmugam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk melarang merokok di pesawat-pesawat Malaysia Airline System. Tindakan ini patut dilakukan untuk mengelak keadaan yang tidak diinginkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, mulai 1hb. Januari, 1996 MAS tidak akan membenarkan lagi penumpang-penumpang menghisap rokok bagi semua penerbangannya bagi dalam atau pun luar negara kecuali penerbangan ke Jepun dan dari Jepun ke Malaysia.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan kenapa penerbangan ke Jepun dan dari Jepun ke Malaysia dikecualikan? Adakah mempunyai sebab-sebab yang tertentu?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Penerbangan ke Jepun dan dari Jepun ke Malaysia dikecualikan untuk ketika ini kerana ramai penumpang yang menggunakan penerbangan ini merokok. *[Ketawa]* Jadi, kita beri mereka time lagi untuk menghabiskan habit ini. Bila tiba masa yang sesuai, penerbangan ke Jepun dan dari Jepun ke Malaysia juga akan dilarang menghisap rokok tetapi untuk sementara ini mereka ada peluang lagilah.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula Jepun boleh di'special'kan suruh menanti dahulu? Kalau

kata berhenti, berhentilah semua, kalau kata jangan, janganlah semua. Kenapa ada istimewa? Tidak tegas. Itu sahaja.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya orang Jepun kuat merokok. Jadi, kita bagi chance kepada mereka dahulu. Kita boleh ‘ban’ juga tetapi kita bimbang pula nanti ramai pula dari Jepun tidak datang ke Kuala Lumpur dan kita akan rugi. Jadi, kita rugi daripada segi pendapatan negara. Kerana itu kita sekarang ini mengambil sikap memberi pendidikan dahulu dan dalam beberapa tahun ke hadapan mereka akan biasa dan pada ketika itu kita akan mulakan larangan merokok bagi penerbangan ke Jepun dan dari Jepun ke Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, sekarang hendak mendidik orang Jepun dahulu.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Nampaknya lebih kurang begitulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bagus sekali begitu.

#### **MUTU KEBERSIHAN MAKANAN - KAWALAN**

12. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan salah satu tugas penguatkuasaan Kementerian Kesihatan adalah menentukan premis perniagaan makanan bersih serta mengikut piawaian yang ditetapkan oleh kementerian:

- (a) apakah status premis perniagaan makanan di negara pada masa kini mengikut piawaian kesihatan;
- (b) apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian ke atas gerai-gerai makan yang kotor dan menonjolkan imej yang buruk kepada

negara; dan

- (c) dengan meningkatnya industri perniagaan makanan, adakah kementerian mempunyai kemampuan yang cukup untuk memastikan kawalan mutu perkhidmatan tersebut menepati kehendak peraturan yang ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk mempertingkatkan tahap kebersihan dan mutu di premis perniagaan makanan. Aktiviti berterusan seperti persampelan makanan, pemeriksaan premis dan pendidikan kesihatan dipertingkatkan untuk menjaga kebersihan, keselamatan pengguna dan pengawasan kualiti.

Mengikut prestasi pencapaian aktiviti pemeriksaan premis 1994 didapati 5,832 premis makanan mencapai tahap penilaian melebihi 75% dan diterima sebagai baik, 26,630 premis makanan didapati mencapai penilaian antara 50% sampai 75% dan diketogarikan sebagai memuaskan manakala lebih kurang 4,981 premis makanan didapati tidak memuaskan iaitu penilaiannya kurang daripada 50%.

Daripada 4,981 premis makanan yang tidak memuaskan, 194 premis makanan adalah amat tidak memuaskan dan penilaiannya kurang daripada 25% dan tindakan perlu diambil ke atas premis-premis ini dengan diberi keutamaan dan perlu diarah tutup sementara berdasarkan kepada kuasa yang sedia ada.

Pada tahun 1994 bilangan premis yang telah mencapai peratusan penilaian lebih daripada 75% telah meningkat jika dibandingkan dengan tahun 1986

- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah pemeriksaan premis makanan. Langkah-langkah untuk menangani masalah ini tidak hanya ditumpukan ke atas premis kotor bahkan diarahkan kepada semua premis makan dan pengendali makanan. Mengikut seksyen 11 Akta Makanan 1983 premis yang membuat atau menjual makanan boleh ditutup tidak melebihi dua minggu jika dia tidak mematuhi taraf kebersihan dan kualiti hingga menjejaskan kesihatan.

Pemilik atau penyewa premis yang didakwa boleh didenda atau dipenjara atau kedua-duanya sekali. Tindakan yang boleh diambil ke atas premis makanan kotor adalah seperti berikut:

- (i) Memberi nasihat.
- (ii) Amaran.
- (iii) Menutup sementara.
- (iv) Tindakan mahkamah.

Lain-lain langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah:

Pendidikan kesihatan, latihan khusus untuk mengendali makanan. Aktiviti berterusan ini dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan. Pendidikan kesihatan akan dipertingkatkan untuk memastikan semua

pengendali makanan mengetuai prinsip-prinsip kebersihan makanan.

Aktiviti pensampelan, aktiviti ini dipertingkatkan lagi bertujuan untuk pengawasan keselamatan dan mutu makan dari segi pencemaran, fizikal dan kimia. Tindakan diambil untuk sampel-sampel yang melanggar peraturan sebagaimana diperuntukan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Mengeluarkan garis panduan-garis panduan untuk menjaga kebersihan. Beberapa garis panduan telah diwujudkan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan.

- (i) Garis panduan kantin sekolah telah diedarkan untuk memastikan kebersihan kantin di sekolah
- (ii) Garis panduan kawalan lalat dan tikus sedang dikeluarkan untuk memastikan premis makanan bebas daripada lalat-lalat dan tikus.
- (iii) Kod amali kebersihan makanan.

**Pendidikan pengguna:** Pendidikan pengguna diberi secara berterusan dalam beberapa aspek seperti pemilihan gerai bersih, makanan, menegur penjual dan melaporkan gerai makanan kotor kepada pihak berkuasa terdekat. Tekanan yang sebegini dari pengguna akan menggalakkan pengendali-pengendali makanan mengamalkan taraf kebersihan yang lebih tinggi di dalam pengendalian makanan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Dato' M. Mahalingam:** Lagi 2 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudah jelas. Ya, silakan.

**Dato' M. Mahalingam:** Belum jawab soalan (c).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat waktu soal jawab.....

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak cukup, kalau boleh beri jawapan bertulis....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan sedikit (c) masa soal jawab....

**Dato' M. Mahalingam:** Boleh beri secara bertulis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya!

**Dato' M. Mahalingam:** Saya ringkaskan.

Kementerian Kesihatan mempunyai seorang Pegawai Kesihatan (Kanan), seorang Inspektor Kesihatan (Kanan) dan dua orang Inspektor Kesihatan yang bertanggungjawab dalam program kawalan mutu makanan yang berjalan lancar di daerah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan bagi jawab mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 47 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[19hb. Disember, 1995]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Johan B.O.T. Ghani, sila sambung perbahasan.

**3.42 ptg.**

**Datuk Johan B.O.T. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pelbagai insentif baru untuk menambah pengeluaran bekalan makanan.

Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Pusat mempertimbangkan secara serius untuk menjadikan Sabah sebagai salah sebuah kawasan penting bagi maksud ini dalam membantu mempertingkatkan kompetitif lokasi bagi negeri ini dalam konteks, dengan izin, East ASEAN Growth Area (EAGA).

Langkah-langkah positif untuk membendung sikap berbelanja berlebihan dan kadar tekanan inflasi berteraskan usaha-usaha yang memupuk sikap cermat dan rajin menabung secara lebih menyeluruh adalah pakej kewangan yang unggul, praktikal harus disambung baik oleh segenap lapisan masyarakat, tanggungjawab ini harus dikongsi bersama bagi menjamin keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan beberapa jenis cukai terus mencerminkan

adanya perhatian, keperhatinan dan komitmen serius kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang yang juga perlu didokong dan disokong secara padu di semua sektor termasuk pihak swasta.

Usaha-usaha untuk membendung sikap berbelanja secara boros dan pengaliran keluar wang sepertimana diusulkan adalah wajar dan berpatutan. Komitmen kerajaan untuk menggalakkan kegiatan pelancongan dalam negeri adalah bertepatan pada masanya dan dialu-alukan kerana akan menyumbang kepada sektor pelancongan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan keseluruhan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM14,201 bilion adalah dialu-alukan, walaupun memperlihatkan sedikit pengurangan berbanding dengan tahun 1995 iaitu RM14,403 bilion. Dengan adanya peruntukan sejumlah RM6.11 bilion atau lebih kurang 40% perbelanjaan pembangunan luar bandar seperti bekalan air, elektrik, jalan luar bandar, kampung dan sebagainya yang dipohon oleh kerajaan Sabah akan dapat dipenuhi dan dipertimbangkan.

Peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion untuk tabung perumahan kos rendah menjadikan jumlah keseluruhan RM2.4 bilion diterima baik kerana ia boleh memanfaatkan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan lebih banyak projek perumahan kos murah.

Tuan Yang di-Pertua, Program Perumahan Rakyat Termiskin yang diperuntukkan RM206 juta harus memberi tumpuan khusus kepada Sabah yang

mencatat kadar kemiskinan yang tinggi. Dengan itu adalah menjadi harapan saya agar manfaat daripada tabung pelaburan domestik RM1 bilion, Tabung Bantuan Pengusaha Kecil RM400 juga dan modal pinjaman boleh diperluaskan ke Sabah dan Sarawak secara berkesan.

Saya ingin merayu agar Kerajaan Pusat mempertimbangkan pemberian peruntukan khas kerana Sabah masih ketinggalan jauh dari segi pembangunan infrastruktur. Walaupun indicator yang digunakan seperti nisbah seorang doktor kepada 263 orang penduduk 85% penduduk, negara menikmati bekalan air dan 92% mendapat bekalan elektrik adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah yang pada suatu ketika dahulu terperangkap dalam era kegelapan kini sudah mula mengorak langkah dengan pantas dan cepat mengajar era kecemerlangannya. Walaupun Sabah masih terkebelakang dalam pelbagai arena pembangunan dan memerlukan berbagai bantuan terus daripada Kerajaan Pusat, namun potensi untuk negeri Sabah berkembang maju adalah terserlah dan terjamin. Dalam masa yang singkat ini usaha-usaha pemulihan dan penempatan ke atas ekonomi Sabah telah memperolehi kejayaan yang boleh dibanggakan. Kadar pertumbuhan ekonomi Sabah dijangkakan akan menjangkau angka 8.3% pada tahun 1996 dan dianggarkan pada kadar purata 8% pertumbuhan sepanjang tempoh Rancangan Jangka Panjang Sabah (RRPS), iaitu tahun 1995 hingga 2010, komitmen kerajaan membangunkan ekonomi negeri ini telah terjelma dalam Rancangan Jangka Panjang Sabah.

Usaha penyediaan infrastruktur atas asas telah berjaya dipertingkatkan dan usaha gigih masih sedang dijalankan untuk mempertingkatkan mutu infrastruktur perindustrian seperti bekalan air, elektrik, pelabuhan, jalan dan sebagainya. Masalah paip kekeringan air dan gangguan bekalan elektrik yang lumrah pada

masa lalu kini telah berjaya ditangani dengan sebaik-baiknya melalui peruntukan-peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Pusat. Langkah susulan juga diambil untuk menswastakan beberapa perkhidmatan terpilih bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan memperluaskan kesempaiannya.

Dalam usaha mengejar kemajuan tersebut adalah tidak dapat dinafikan bahawa peruntukan tambahan yang besar adalah diperlukan untuk mempertingkatkan kompetitif lokasi negeri ini, mencipta daya saing tersendiri untuk memanfaatkan perkembangan terbaharu di kawasan Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina dengan East ASEAN Growth Area (BIMF/EAGA).

Pelancaran pelbagai projek yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena lawatan rasminya ke Sabah baru-baru ini seperti projek perhotelan tapak perindustrian, syarikat penerbangan, pusat pendidikan, infrastruktur, gas dan sebagainya menunjukkan Sabah sedikit-sebanyak sudah bersedia untuk menerokai peluang-peluang yang ditawarkan oleh kawasan BIMF/EAGA terutama dalam sektor pelancongan dan pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu sendiri menunjukkan Barisan Nasional menepati janji yang pernah dibuatnya semasa pilihan raya pada tahun 1994. Selain daripada peluang pengajian tinggi anak-anak Sabah juga berpeluang untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran teknikal dalam negeri berikutan adanya cadangan penubuhan politeknik, sekolah teknik, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sebagainya. Institusi-institusi pengajian swasta juga telah membuka cawangan di Sabah untuk menawarkan pelbagai kursus profesional, Kerajaan negeri melalui RRGPS juga memberi penekanan kepada latihan kemahiran. Justeru itu, kejayaan Sabah untuk menyediakan satu pasukan tenaga kerjanya dalam menghadapi era

perindustriannya amat bergantung kepada kerjasama daripada semua pihak terutama sekali sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, jalan raya Beaufort-Menumbok. Di dalam Dewan yang mulia ini seringkali saya bangkitkan bahawa jalanraya Beaufort-Menumbok harus dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana jalanraya Beaufort-Menumbok pada ketika ini sedang mengalami kerosakan yang begitu teruk dan adalah sukar bagi kenderaan-kenderaan kecil mahupun kenderaan-kenderaan berat untuk melalui jalan ini. Saya harap kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur yang menunjukkan minat untuk melabur di negeri ini juga kian meningkat. Semenjak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan negeri ini, jumlah pelaburan yang diluluskan juga meningkat dengan ketara. Pada tahun lalu sahaja, pelaburan bernilai RM1.7 bilion telah diluluskan dan untuk sembilan bulan pertama tahun 1995, Ministry of International Trade and Industry (MITI) telah meluluskan 40 buah projek pelaburan bagi Sabah dengan pelaburan modal berjumlah RM1.7 bilion. Melalui pelbagai insentif cukai yang ditawarkan melalui Belanjawan Negara 1996 untuk dinikmati oleh pelabur-pelabur yang menggerakkan pelaburan sama ada ke Sabah, Sarawak dan negeri-negeri di Pantai Timur. Saya amat yakin ia akan membantu dalam mempertingkatkan kompetitif lokasi negeri ini.

Taman Perindustrian Kota Kinabalu yang dilancarkan baru-baru ini akan

dijadikan kawasan perindustrian yang termoden dan indah apabila dibangun sepenuhnya nanti. Selain itu, industri pelancongan juga akan memainkan peranan penting dalam ekonomi Sabah dengan adanya keindahan alam semula jadi, ecotourism akan menjadi satu bidang penting. Pada masa yang sama beberapa projek pelancongan yang melibatkan pelaburan berbilion ringgit sedang dalam proses pembinaan. Saya amat yakin, penekanan pelancongan dalam negeri oleh kerajaan untuk menyekat lebih daripada 6 juta orang Malaysia melancong ke luar negeri setiap tahun menawarkan prospek yang baik bagi sektor pelancongan di Sabah khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi ke atas sistem pendidikan negara harus dilihat sebagai usaha strategik dalam memenuhi keperluan pembangunan negara dengan mempersiapkan negara menghadapi cabaran abad yang ke-21, merealisasikan Wawasan 2020 dan memperkayakan masyarakat Malaysia yang berteraskan pengetahuan dan ilmu agar mampu bersaing. Usaha-usaha yang telah dilakukan yang juga melibatkan penggubalan Akta Pendidikan tahun 1995 adalah dialu-alukan dan penting dalam mempromosi ketrampilan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan perkembangan intelek dan ilmu di rantau ini yang dipelopori oleh cendekiawan dan pemikir negara secara khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Saya amat yakin galakan dan insentif cukai yang diusulkan adalah langkah awal kerajaan membantu mengatasi ketinggalan dalam mengejar perkembangan

pesat dunia pendidikan khususnya pendidikan teknikal dan teknologi canggih. Penekanan meluas kepada maktab pelajaran seperti sains, teknologi, komputer, penyelidikan dan kemahiran teknikal harus didukung dan disokong sepenuhnya oleh semua pihak terutama sektor swasta memandangkan tenaga buruh Sabah adalah tidak mahir dan separuh mahir. Justeru itu, gandingan usaha bersungguh-sungguh harus dilakukan dari sekarang untuk mewujudkan satu kelompok tenaga mahir agar negeri tidak terus ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan tempoh pengajian di institusi pengajian tinggi dipendekkan kepada tiga tahun adalah dialu-alukan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja mahir di negara kita ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Cadangan Akta Pendidikan tahun 1995 yang merangkumi pindaan ke atas empat rang undang-undang adalah selari dengan aspirasi kerajaan untuk menyediakan satu sistem pendidikan negara yang mempunyai kualiti yang setanding di peringkat antarabangsa dengan yuran pengajian yang lebih kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, dasar liberalisasi pendidikan tanpa membelakangkan kedudukan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi adalah perlu dan kritikal dalam meletakkan Malaysia di kedudukan yang baik dalam pelbagai konteks. Justeru itu adalah penting untuk memastikan agar cawangan-cawangan institusi pengajian tinggi swasta yang terkemuka yang ditubuhkan di Malaysia tidak tertumpu di Lembah Klang sahaja tetapi diperluaskan ke negeri-negeri lain khasnya Sabah untuk mengeksploitasikan potensi yang ditawarkan BIMF/EAGA. Realisasi

wawasan ini sekali gus bukan sahaja meletakkan Malaysia sebagai sebuah pusat intelek dan ilmu yang boleh menyemarakkan kebangkitan tamadun Asia baru malahan menghasilkan peluang kepada pendapatan negara kelak.

Kejayaan usaha menempatkan Malaysia dalam konteks perkembangan intelek dan ilmu di rantau ini harus didukung dan disokong oleh usaha penerapan dan penghayatan budaya membaca dan berfikir yang matang di kalangan rakyatnya. Kalau benar seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bahawa rakyat Malaysia hanya membaca kadar purata satu muka surat setahun, maka ini adalah satu cabaran yang besar bagi negara kita. Justeru itu, saya ingin menarik perhatian kerajaan agar tidak memandang remeh isu ini dan mengambil langkah proaktif untuk memupuk satu budaya membaca dan berfikir kemalaysiaan.

Dengan itu adalah wajar bagi kerajaan bagi mempertimbangkan pelepasan cukai bagi buku-buku ilmiah dan pada masa yang sama mencari jalan untuk menyebarkan ilmu yang dipelopori oleh cendekiawan secara murah, cepat dan efektif. Pada masa yang sama perhatian sepenuhnya juga harus dijuruskan untuk mempertingkatkan lagi kestabiliti melalui penyediaan kemudahan asas pendidikan di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, mengatasi kekurangan bilik darjah, perpustakaan, komputer, makmal dan sebagainya.

Pemberian biasiswa bagi pelajar miskin, guru-guru terlatih dan lain-lain ke

arah memperbaiki mutu pendidikan di peringkat negeri. Penyelesaian segera harus dibuat untuk menangani masalah kenaikan harga bagi buku teks, buku latihan dan alat-alat pembelajaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup yang tinggi di Sabah juga membebankan rakyat terutama masyarakat yang berpendapatan rendah. Keputusan Kabinet Persekutuan meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan ke atas permasalahan ini adalah amat dialu-alukan oleh rakyat negeri ini pada keseluruhannya. Kedudukan harga barang-barang keperluan yang dikatakan 5% hingga 10% lebih tinggi berbanding dengan harga barang berkenaan di Semenanjung Malaysia menyebabkan wujud jurang tahap kehidupan yang ketara antara masyarakat luar bandar di Semenanjung Malaysia dengan masyarakat luar bandar di Sabah. Kedudukan masyarakat yang terangkum dalam golongan yang termiskin semakin terhimpit. Keadaan ini terutamanya akan membawa masalah yang agak besar kepada negara. Ini dalam jangka masa panjang.

Kenaikan harga barang menyebabkan masyarakat luar bandar akan terus ketinggalan dari semua segi termasuk aspek kesihatan dan pendidikan. Pembangunan negeri Sabah dalam jangka masa panjang juga akan berhadapan dengan masalah kerana kos sara hidup yang tinggi akan mendatangkan kesan negatif ke atas usaha untuk menarik kemasukan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara. Industri yang kini sedang giat dijalankan oleh pihak kerajaan negeri

akan berhadapan dengan kesukaran jika masalah ini tidak diatasi.

Di kalangan belia pula, kelembapan pertumbuhan industri yang mampu menyediakan peluang pekerjaan akibat peningkatan kos pengeluaran secara berleluasa akan menyukarkan kehidupan mereka. Kesan negatifnya ialah bertambahnya kadar pengangguran dan kadar kemiskinan yang wujud di negeri Sabah di masa-masa yang akan datang, di samping lupusnya daya kompetitif lokasi.

Saya khuatir jika masalah kos sara hidup yang berbeza ini tidak diselesaikan, ia akan mendatangkan masalah kepada usaha membina masyarakat Malaysia yang mantap dan tahan uji. Kemampuan ekonomi negara bertahan di tahap yang membanggakan. Tidak akan memberi makna yang besar sekiranya ia tidak dapat dinikmati dengan adil oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang sama yang dimiliki oleh rakyat negara ini tidak akan mempunyai kuasa beli yang sama sekiranya perbezaan harga barang yang wujud di antara Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia terus wujud.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Johan, tunggu sebentar. Di bawah Peraturan 6(3) saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, teruskan ucapan.

**Datuk Johan B.O.T. Ghani:** Pendapatan rakyat pula khususnya di peringkat menengah dan bawah adalah sama walaupun tidak lebih rendah bagi kalangan rakyat berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak. Keadaan ini juga akan memberi peluang kepada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab menyebarkan isu-isu yang akan mengancam keutuhan negara. Anasir-anasir ini sama ada dari dalam mahu pun luar negara sentiasa mengintai peluang untuk melihat kelemahan kita dan memutarbelitkannya sebagai memenuhi kepentingan mereka.

Rakyat Sabah khususnya amat berharap agar pihak kerajaan dapat melahirkan formula dan tindakan yang mampu mengatasi masalah ini dan membolehkan mereka khususnya dari kalangan berpendapatan rendah sama menikmati kemakmuran ekonomi seperti rakan-rakan di negeri-negeri lain.

Saya ingin mencadangkan agar kajian semula ke atas bayaran yang dibuat bagi faktor-faktor pengeluaran yang berkaitan supaya penyeragaman dapat dibuat bagi maksud mengurangkan kos pengeluaran.

Kempen inflasi sifar yang sedang giat dijalankan di seluruh negara juga merupakan usaha yang perlu disokong. Walau bagaimanapun, kalau tidak penjelasan tentang pelaksanaan kempen ini dan kurangnya penguatkuasaan oleh kakitangan kementerian berkenaan, ianya telah diinterpretasikan menurut pemahaman individu. Para pengguna menjadi mangsa kerana hari inflasi sifar yang diisytiharkan pada hari Sabtu pertama setiap bulan telah menjadi minggu

inflasi yang menawarkan potongan harga barangan. Keadaan ini bukan menggalakkan pengguna untuk menabung atau berjimat, malah menggalakkan mereka untuk berbelanja semampu yang mungkin. Hasrat kita untuk mengurangkan kadar inflasi akan sia-sia sekiranya tanggungjawab ini tidak dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat negara ini. Saya menyeru pihak yang berkenaan agar melaksanakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan pemeriksaan yang tidak bermusim untuk mengatasi gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ingatan kepada diri sendiri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini tentang betapa pentingnya usaha berterusan diambil oleh berbagai pihak untuk memupuk rasa persefahaman dan perpaduan kaum di kalangan rakyat negara ini, di samping memantapkan proses integrasi nasional ke arah pembinaan satu negara bangsa Malaysia yang bercirikan daya saingan dan daya tahan. Negara, bangsa yang dimaksudkan ini hanya boleh dicapai sekiranya kita mempunyai asas perpaduan yang intim yang sedia bergerak sebagai satu pasukan yang utuh. Pada masa yang sama usaha harus digembeling untuk generasi muda memahami dan menghayati sejarah pembentukan negara kita dan peristiwa 13hb. Mei secara khususnya.

Usaha-usaha juga harus diambil untuk meneliti kembali atau 'look' ke atas integrasi nasional dari perspektif Wawasan 2020 dan abad ke-21 yang pastinya menawarkan cabaran yang berbeza daripada yang pernah dihadapi sebelum ini.

Pada hemat saya adalah menjadi tanggungjawab bersama setiap rakyat untuk memastikan agar masyarakat yang berbilang kaum dan keturunan di negara kita dapat terus dipelihara melalui peningkatan proses berinteraksi dan pengukuhan perpaduan dan persefahaman dalam masyarakat. Kesemua ini boleh dicapai sekiranya rakyat negara kita bersedia mengamalkan keterbukaan dan perluasan minda dalam membincangkan berbagai isu kepentingan bersama tanpa merasa tergugat. Hanya melalui pendekatan keterbukaan ini barulah negara kita berkeupayaan untuk mewujudkan perpaduan dan kesatuan yang kukuh dan mantap dalam menghadapi abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengulangi dua ayat dalam ucapan saya sebelumnya, iaitu usaha-usaha harus diperhebatkan untuk menanamkan bibit nasionalisme dan patriotisme keMalaysiaan di kalangan generasi muda bagi memastikan usaha pembinaan negara, bangsa ini tidak akan diakhiri oleh perpecahan dan perang saudara seperti apa yang sedang berlaku di negara lain pada hari ini. Hanya melalui penghayatan integrasi nasional oleh kesemua warganegara Malaysia, maka dengan itu akan tercapai cita-cita kita semua untuk mewujudkan satu masyarakat atau negara Malaysia yang bukan hanya bersatu padu, tetapi mempunyai sistem minda yang terbuka, 'open minded' ke arah pembentukan masyarakat yang terbuka 'open society.'

Dengan ini, saya memohon menyokong. Sekian.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

**4.10 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian menyokong Usul Belanjawan 1996 yang telah pun dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim tempoh hari.

Sebelum daripada itu, saya hendak mohon maaf sedikitlah kerana ucapan saya ini agak terganggu sedikit oleh kerana pada dua hari sudah kita mengalami ada air-condition, tidak ada air-condition, saya pun jatuh demam sekejap. Jadi, kalau diganggu oleh terbersin dan sebagainya, saya minta maaf awal-awal dan saya tidak akan memberikan ucapan yang panjang tetapi akan menyentuh isu-isu yang saya rasa amat penting bagi kita meninjau bersama.

Setelah meninjau ucapan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, kita dapati Belanjawan 1996 merupakan belanjawan yang membalas budi, yang menginsafi bahawa tuntutan-tuntutan rakyat di kandungkan dalam belanjawan ini bagi menentukan keselesaan mereka akan berterusan sehingga kepada tahun 2020.

Saya dapati juga ucapan Belanjawan ini mencerminkan bahawasanya belanjawan yang penuh dengan angka-angka dapat diterima dengan baik menerusi satu bahasa dengan penuh kesenian. Tetapi yang paling penting ialah untuk kita menginsafi bahawasanya Belanjawan RM55.4 bilion ini telah pun merangkumi segala aspek pembangunan baik di luar mahu pun di dalam bandar dan ianya

berpaksi kepada pertumbuhan yang amat pesat sejak tujuh, lapan tahun kebelakangan ini kita dapati pertumbuhan pembangunan kita dari segi KDNKnya melebihi 8% dan kini meningkat kepada 9.5% yang ini tentu sekali merupakan satu keyakinan pemimpin kita yang memberikan keutuhan politik di mana ianya merupakan framework untuk kita membangunkan negara.

Sesungguhnya kritik-kritik daripada luar pernah mengatakan kepada kita terutama sekali saya hendak sebut di sini daripada University Stamford, Profesor Paul Crudeman ada mengatakan bahawa kita ini hanya secara accident sahaja dapat menyertai Asian Economic Miracle, mohon izin, dan diakibatkan oleh kelebihan tenaga kerja, modal dan sumber alam dan bukan kerana inovasi dan produktiviti.

Sebenarnya, kalau kita teliti dari segi produktiviti kita, memang kita dapati bahawasanya ekonomi kita tidak berpaksi kepada apa yang dinyatakan oleh Profesor Paul Crudeman tadi dan bukannya secara 'accident', kita dapat menempa ataupun meningkatkan pertumbuhan kita selama tujuh, lapan tahun ini dan sehingga ke hari ini ianya disebabkan oleh produktiviti kita yang meningkat.

Saya diberitahu kadarnya pada tahun 1995 ialah 6.1% meningkat daripada 5.6% daripada tahun 1994. Penyumbang utama yang menentukan peningkatan produktiviti kita ini ialah dari segi sektor pembuatan iaitu 60%, kadar pertumbuhan produktiviti kita pada 1991 hingga 1993 meningkat 4.8% dan ini mendahului negara-negara yang juga termasuk di dalam lingkungan Asian Miracle ini iaitu

Taiwan, Korea, Indonesia dan Hong Kong. Jadi, jelas sekali ianya berasaskan kepada perancangan dan tembuk yang kukuh untuk kita meneruskan pembangunan ekonomi dan kita mengharapkan ianya akan berterusan.

Saya juga amat tertarik dengan dasar-dasar yang digubal oleh pihak kerajaan kita dari segi untuk hendak meneruskan ekonomi kita bertumbuh di rantau ini dan sesungguhnya ekonomi ini tidak mempunyai pertumbuhan di dalam satu kekosongan atau vacuum, ianya tumbuh kerana wujudnya satu persefahaman yang amat baik antara negara-negara Asean dan kini kita akan menempuh pula era APEC di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengutamakan kerjasama antara negara-negara Asean yang merupakan satu pasaran yang amat besar kerana ianya kita dapat tahu mengikut perangkaan terbaru, Asean yang mempunyai penduduk seramai 411 juta mempunyai dari segi perdagangan eksportnya yang berjumlah US\$498 bilion atau RM1,245 bilion dan ini merupakan satu gagasan perdagangan yang amat luas antara kita sesama kita iaitu intra-Asean. Jadi, kita tidak lagi bergantung paut sepenuhnya perdagangan dengan Amerika ataupun dengan negara-negara Barat kerana ekonomi yang kukuh di rantau ini telah pun memberikan pasaran yang amat luas untuk kita menentukan perdagangan kita berterusan.

Kita juga dapati pelaburan dari segi Foreign Direct Investment (FDI) kebanyakan peluang-peluang pelaburan telah pun diambil oleh negara-negara Asean sendiri atau negara-negara Asia yang kini telah pun meningkat kepada 50%

di mana kita dapati Hong Kong, Taiwan, Korea, Singapura dan juga Jepun melabur di negara kita lebih banyak daripada negara-negara Eropah ataupun Amerika. Ini tentunya menguatkan lagi hujah bahawasanya ekonomi rantau APEC atau tak termasuk Australia dengan Amerika, Asean dengan Asia Timur sahaja sudah mencukupi bagi menentukan kekuatan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di negara kita untuk menentukan masa depan kita.

Saya juga amat tertarik dengan cara kita meningkatkan penyelidikan dan pembangunan. Sungguhpun kita hanya mempunyai sekarang ini lebih kurang RM500 juta lebih dari segi penyelidikan dan pembangunan di mana ianya tidak pun sampai kepada 1% daripada belanjawan kita, kita dapati angka yang kurang daripada 1% ini tidak jauh sangat berbeza dengan penyelidikan dan pembangunan yang dibuat oleh negara-negara maju seperti Amerika dan Jepun yang kini merupakan 2.9% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kita mengharapkan penumpuan penyelidikan diarahkan kepada sektor-sektor di mana kita mempunyai kekuatan.

Saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan terutama sekali dari segi penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan kini oleh Forest Research Institute Malaysia (FRIM) ataupun Institut Perhutanan Malaysia di mana saya difahamkan setakat ini mempunyai lebih 40 orang yang mempunyai ijazah PhD yang kini menjalankan tugas penyelidikan dan berasaskan kepada kekuatan kita dalam bidang hutan belantara yang saya difahamkan mempunyai spesies lebih kurang

8,500 boleh kita selidik untuk menentukan sejauh mana Malaysia akan dapat dijadikan sebagai negara pengeluar ubat-ubat tropikal.

Kini kita dapati penyelidikan ubat-ubat tropik diusahakan oleh negara-negara maju seperti Amerika dan UK dan kita mengharapkan dengan wujudnya 8,500 jenis spesies-spesies di hutan belantara kita ini dan FRIM yang kini telah pun menjalankan usaha-usaha ke arah untuk hendak menentukan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perhutanan dapat kita perluaskan supaya Malaysia satu hari nanti akan terkenal dengan sebuah negara yang mengeluarkan ubat-ubat berasaskan kepada spesies-spesies tropik yang boleh mungkin mengubatkan bukan sahaja penyakit demam malaria tetapi kita juga menjangkakan mungkin daripada spesies ini boleh juga mengubati penyakit AIDS dan sebagainya.

Ini tidak termasuk “Tongkat Ali” sepertimana yang saya sebutkan tempoh hari di mana ia boleh memberikan sedikit sebanyak kekuatan kepada kita semua dan boleh bersaing dengan Royal Jelly dan juga Ginseng dari Korea. Penumpuan seperti ini saya yakin dan percaya akan dapat melahirkan banyak saintis-saintis yang mungkin dapat memberikan “Nobel Prize” di peringkat antarabangsa dan kita terpaksa mencari jalan dan berusaha apakah kekuatan negara kita dan kekuatan kita kini ialah kerana kita mempunyai khazanah kekayaan hutan belantara yang mempunyai spesis-spesis yang mungkin tidak terdapat di tempat lain. Kalau kita membuat penyelidikan dari segi perubatan dan sebagainya dengan spesis-spesis ini mungkin kita dapat menghasilkan satu lagi idea baru dan dapat kita pasarkan di

peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi pandangan kepada usaha kerajaan dalam bidang penswastaan. Kita dapati setelah berjalannya dasar penswastaan yang satu ketika mendapat banyak kritikan-kritikan daripada parti pembangkang, ianya telah pun berjaya bagi mengurangkan bebanan kerajaan dan meningkatkan produktiviti dan efisiensi dari segi perkhidmatan yang dicurahkan.

Lebih daripada itu, saya ingin menyatakan kepada Dewan ini di dalam tinjauan *ASIaweek*, daripada 1,000 syarikat yang disenaraikan, kita dapat 12 buah syarikat daripada Malaysia yang tersenarai dalam senarai 1,000 ini yang kebanyakannya dimonopoli oleh syarikat-syarikat daripada Jepun. Saya hendak sebut di sini, satu yang paling menarik ialah daripada 12 buah syarikat yang tersenarai di dalam 1,000 syarikat terbesar di Asia ini, 8 buah daripada syarikat ini adalah tajaan/usaha kerajaan menerusi penswastaan.

Syarikat kita yang pertama, iaitu Petronas termasuk nombor 124 di dalam senarai 1,000 buah syarikat terbesar di Asia dengan mempunyai aset sebanyak RM18 bilion dan penjualan sebanyak RM6.5 bilion dan keuntungan RM1.7 bilion. Dalam senarai kita itu, kita dapat juga melihat Tenaga Nasional tersenarai pada nombor 505, Syarikat MAS yang dahulunya kepunyaan kerajaan sekarang ini telah pun dijual, tetapi kerajaan masih lagi mempunyai sahamnya tersenarai di nombor 601, Telekom - 652, EON - 659, PROTON - 812, Malaysian LNG - 867 dan juga Petronas Dagang yang terbaru - 921. Syarikat-syarikat swasta yang di taja oleh

swasta pada awalnya yang termasuk dalam senarai ini ialah Sime Darby, Perlis Plantation, Federal Floor Mill dan Berjaya Group.

Di sini, menunjukkan kejayaan pihak kerajaan kita di bawah Wawasan yang digubal dan ditaja oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita beberapa tahun dahulu dalam menentukan bahawasanya kalau kita hendak memperluaskan sektor perdagangan kita, sektor penjualan saham kita di peringkat antarabangsa dan juga BSKL, kita terpaksa membentuk syarikat-syarikat gergasi, maka barulah pasaran dana kewangan dunia dapat memberi tumpuan untuk melabur di tempat kita.

Saya diberitahu, kini dari segi keupayaan bukan sahaja kewangan negara kita di dalam negeri tetapi juga kewangan luar telah pun meningkatkan urusan Bursa Saham Kuala Lumpur yang kini melebihi daripada negara lain dan ini merupakan “market penetration” bagi Malaysia memperluaskan pasarannya kepada pusat-pusat dana kewangan antarabangsa di mana pihak kerajaan dengan penuh kejayaan telah pun membuat roadshow, dengan izin, ke London dan juga ke Walls Street di New York, yang mana Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri kita telah menunjukkan bagaimana kegiatan-kegiatan urusan Bursa Saham Kuala Lumpur dapat diterokai juga oleh pemegang-pemegang dan juga pengurus-pengurus dana atau pun punca kewangan antarabangsa dan ini merupakan satu kejayaan dan kita mengharapkan juga pada masa-masa akan datang pihak kerajaan akan terus mencari jalan untuk menentukan apa pula yang

dapat diswastakan tanpa menjejaskan keperluan dan kesejahteraan lapisan rakyat masyarakat kita terutama mereka yang dianggap termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan, dengan wujudnya Dasar Pendidikan baru ini pihak kerajaan akan terus memberikan penumpuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat ilmu, pusat intelek dan pusat pengajian tinggi di rantau ini supaya dalam usaha kita mengimbangkan wang yang mengalir keluar selama ini, saya difahamkan lebih kurang setahun RM3 bilion kita membelanjakan wang kita di luar negeri seperti di Britain, di Amerika di Australia dan di mana-mana sahaja pusat pengajian tinggi kerana terlalu ramai pelajar dari Malaysia terpaksa belajar ke luar negeri untuk mencari ilmu pengetahuan dan saya diberitahu, misalnya, purata pembiayaan seorang pelajar kejuruteraan setahun di England menelan belanja R44,000. Cuba bayangkan kalau sekiranya ia terpaksa menghabiskan 4 tahun di sana -  $4 \times 40,000 = \text{RM}160,000$  - senang-senang habis di situ sahaja.

Jadi, kalau sekiranya kita memperkuatkan pusat pengajian kita di rantau ini seperti yang kini di sarankan oleh pihak kerajaan, di mana universiti-universiti swasta dapat menjalankan usaha menarik pelajar-pelajar dirantau ini untuk menyertai kita di peringkat sekolah menengah, A Level dan juga di peringkat sijil-sijil antarabangsa - saya pun tidak berapa faham banyak lagi sijil-sijil antarabangsa - dan juga menyertai universiti-universiti kita bukan sahaja Universiti Islam, tetapi juga universiti-universiti canggih teknologinya, perubatan dan sebagainya.

Dengan ini, saya yakin apa yang berlaku sekarang ini, di mana wang yang terpaksa keluar daripada negara kita sejumlah RM3 bilion setahun dapat kita kurangkan dengan kita mengambil mereka menyertai institusi-institusi pengajian tinggi di kawasan kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan kegiatan untuk menentukan Malaysia sebagai pengeluar kereta dan kita lihat baru-baru ini Hicom sebagai sebuah syarikat yang menaja Proton Saga dan sebagainya dan ini telah pun diambil alih oleh seorang usahawan bumiputera yang terkenal dalam bidang ini dan kita mengharapkan peningkatan pengeluarannya yang akan dibuat menerusi satu lagi fekteri di Tanjong Malim - daripada 200,000 kepada 300,000 dan mungkin 400,000, akan mengurangkan harga Proton Saga di negara kita.

Baru-baru ini saya berpeluang menjelajah ke sini dan ke sana dan saya dapati harga kereta Proton Saga kita di negara-negara lain, di negara yang lebih maju lebih murah daripada Proton Saga di negara kita. Di Australia, di mana dari segi pendapatan perkapitanya lebih tinggi daripada kita, harga Proton Saga ialah Aus\$16,700. Katakanlah daripada pertukaran asingnya RM2.00 (sepatutnya RM1.80), bererti  $2 \times 16 = \text{RM}32,000$  duit kita dan mereka di sana lepasan universiti mendapat gaji sekurang-kurangnya Aus\$40,000 setahun dan kalau hendak dibandingkan dengan seorang pelajar kita yang keluar universiti dan bekerja dengan kerajaan mungkin dapat RM2,000 sebulan - RM24,000 setahun. RM24,000 setahun memerlukan 2 tahun lebih untuk membolehkan gaji mereka dapat membeli satu Proton Saga - Wirakah, itu saya tidak tahu berapa harganya, tetapi di Australia setengah tahun gaji sudah dapat membeli Proton Saga kita.

Di sini Proton Saga, saya diberitahu mungkin harganya antara RM50,000 ke atas, RM50,000 - RM60,000. Di Australia RM32,000 di England £7,000, dan yang telah canggih sedikit mungkin £8,000 -  $4 \times 8,000 = \text{RM}32,000$ .

Baru-baru ini kita jenguk pula di Chile. Harga Proton Saga di Chile

RM23,000. Saya menyerulah kepada pihak yang mengeluarkan kereta-kereta ini nanti meninjau. Kalau banyak sangat untung, kurangkan untungnya dan beri peluang kepada anak kita yang keluar lepasan universiti ini, hendak masuk kerja berpeluang terus membeli kereta Proton Saga dengan harga tidak lebih dari RM30,000 seperti yang dialami oleh mereka di luar negara kita.

Kereta-kereta di luar negara ini, kereta Proton Saga spesifikasinya berbeza dengan kereta Proton Saga di sini, mungkin lebih canggih lagi. Adakah kita di Malaysia yang seramai 80,000 pembeli dan sebagainya ini memberi subsidi pula kepada pembeli-pembeli luar negara kita?

Jadi, saya mengharapkan pihak kerajaan terutama yang bertanggungjawab seperti MITI, Consumer's Association dan sebagainya meninjau dari segi apakah dengan wujudnya satu kilang pengeluaran kereta di negara kita ini, supaya kita dapat memberi peluang kepada anak-anak kita pergi rata-rata, ke sana, sini dengan kereta Proton Saga dan kita bermegah kerana harganya, harga berpatutan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat kita awasi, berkemungkinan besar kereta kita yang kita keluarkan di negara kita ini mungkin akan dapat dikeluarkan di dalam lingkungan kemampuan kita terutama sekali kepada mereka yang baru sahaja bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga hendak menyentuh tentang Malaysia sebagai satu tempat di mana baru-baru ini kita terbaca terdapat dan terdengar, digunakan sebagai tong sampah. Kita dapat tengok kapal-kapal lalu di Selat

Melaka, dicampakkannya toksid, sisa-sisa toksid, lepas itu cabut lari ke Singapore dan tengok pula, kita check, memang benar. Kapal-kapal ini berdaftar di Singapore. Lepas kita tangkap, kita denda dia RM100,000. Itu paling tinggi saya ingat, kita dapat denda.

Selepas itu, kita tengok pula syarikat-syarikat yang bersangkutan-paut dengan pengeluaran-pengeluaran chemical, toksid dan juga syarikat-syarikat pengeluaran minyak. Tidak ada dikenakan denda apabila mereka mengeluarkan sisa-sisa di merata-rata kerana toxic waste ini, saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, akan menjahanamkan kita atas kemewahan industri pada masa-masa akan datang.

Kita hendak menentukan pihak Kementerian Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar dan sebagainya ini mempunyai kuasa menentukan formula apabila kita menarik pelabur-pelabur asing baik di Pahang mahupun di mana-mana sahaja membangunkan syarikat-syarikat industri-industri gergasi berasaskan kimia ini.

Kita tentukan awal-awal lagi, berapakah peratusan toxic waste yang akan dikeluarkan menerusi productionnya, dengan izin. Lepas itu, kita tentukan setiap tahun, menerusi Majlis Daerah atau menerusi pihak swasta menerima toxic waste ini kerana formula sudah ada. Setiap pengeluaran, production, ada formulanya. Setiap pengeluaran yang dibuat, mesti ada wastage atau sisa-sisa dia dan tidak mungkin sisa ini boleh lenyap begitu sahaja kecuali kalau dihantar ke Pulau Pinang, kita dengar dalam Berita. Bertong-tong toxic waste, sisa-sisa yang akan meracuni tempat kita.

Jadi, formula ini terpaksa digubal oleh kementerian bersangkutan supaya mereka hujung tahun, selain dari mengeluarkan production dia, apa yang perlu dikeluarkan keuntungan dia, mengeluarkan juga sisa toksidnya itu dan dimasukkan ke tempat-tempat tertentu.

Kalau tidak, tentunya toxic waste ini diseludup dan dihantar ke merata-rata tempat di kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar nanti, keindahan cemerlang, keindahan alam sekitarnya dan kehijauannya akan penuh dengan toxic waste di bawah tanah. Ini kita hendak tahan. Ini kita hendak tentukan pengawasan dan dendanya mesti kita pertingkatkan.

Kalau kini kita tengah menandatangani untuk menjadikan rantau ini sebagai bebas daripada nuclear power dan sebagainya, kita inginkan tempat kita ini bebas daripada toxid waste dan kita tentukan toxid, tempat-tempat mengumpulkan sisa-sisa toksid ini ditetapkan dan syarikat-syarikat mesti mengeluarkan toxid waste ini. Kalau tidak, kita hendak tahu mengapa.

Kita denda dia kerana tidak mengeluarkan toxid waste kerana kita tahu toxic waste ini disimpan di tempat-tempat tertentu atau diseludup ke tempat-tempat tertentu. Memang inilah yang berlaku.

Jadi, kita kena kuatkuasakan. Kalau kita hendak membangun sebagai negara yang berpunca dari kimia dan sebagainya ini, kita juga terpaksa mencari jalan bagi menentukan kualiti hidup kita terjamin di atas pembangunan yang kita idam-idamkan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah berjanji tidak hendak bercakap panjang kerana demam sedikit. Jadi, saya sekali lagilah pada masa-masa yang akan datang mungkin akan memberikan ucapan yang lain.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan mengharapkanlah Dewan

kita ini tidak lagi tergendala. Sekali ada air-cond, sekali tidak ada air-cond. Ini membuat orang demam dan sayalah menjadi mangsa yang pertama, saya rasa. Hendak membuat tuntutan pun bukan pada tempatnya. Jadi, saya hendak berterima kasih dan saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan tempoh hari. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain.

**4.38 ptg.**

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian selama dalam perbincangan Perbelanjaan Perbekalan tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 9.6% pada tahun ini adalah boleh dibanggakan. Perihal ini diterima sebagai aspek positif perkembangan pembangunan negara. Ada musim turun, ada musim naik tetapi yang harus diteliti ialah adakah tahap kenaikan ekonomi ini selaras dengan kenaikan pegangan harta sebenar orang Melayu?

Mengikut pengumuman Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dalam Berita Harian pada 27hb. Jun 1995, bumiputera hanya memiliki 20.3% aset termasuk pegangan korporat di negara ini. Ini bermakna semenjak Allahyarham Tun Hussein Onn meninggalkan teraju negara pada tahun 1981, hanya sekitar 2.3% sahaja yang telah dicapai oleh orang Melayu dan bumiputera yang lain kerana pada tahun 1981 pencapaian bumiputera telah berada di tahap 18%.

Jika menjelang tahun 2020, orang Melayu dan bumiputera hanya memiliki kurang dari 30% aset korporat dan lain-lain, apakah ertinya laungan kerajaan yang dibuat selama ini? Siapakah yang memiliki aset korporat dan kekayaan di sekitar 70% yang baki itu? Jika jawabnya bukan Melayu dan bumiputera, apa erti dasar Pembangunan Nasional atau DPN yang mengambil alih tempat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilenyapkan pada tahun 1990?

Kalau inilah terjadi, sesungguhnya hal yang seperti ini tidak melambangkan keseriusan kerajaan menyusun semula masyarakat melalui agihan ekonomi negara. Semasa pilihan raya umum yang lepas, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dalam kempen pilihan rayanya di Jeli telah menyatakan bahawa kalau sekiranya beliau menang di dalam pilihan raya tersebut, beliau akan membawa dan mendirikan kilang perindustrian di Jeli tetapi sekarang nampaknya di Jeli masih lagi tertinggal dan tidak wujud kilang sebagaimana yang dijanjikan.

Bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerajaan telah.....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tunggu sebentar. Ada yang minta laluan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat saudara saya Senator Mohd. Zain dari Kelantan dan saya pun dari Kelantan. Dia mewakili Kelantan dan saya mewakili Persekutuan. Memang soalan di Kelantan ini segala soal pembangunan terletak di atas tanah. Sebelum melihat pembangunan kecuali satelit yang tergantung di udara, maka soal tanah menjadi isu. Apakah Yang Berhormat sedar soal tanah dan kerjasama Kerajaan Negeri dalam meluluskan tanah untuk pembangunan itu boleh diberi dan apakah Yang Berhormat boleh menjamin untuk memastikan kerajaan APU di mana Yang Berhormat ada saham untuk memastikan kalau tanah diperlukan untuk kilang, untuk pusat latihan belia, untuk pembangunan Kesedar dan sebagainya, boleh ditimbang atau tidak? Pohon penjelasan.'

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih, Yang Berhormat

Datuk Hashim Safin dari Tanah Merah. Memang betul. Dia dahulu itu Ketua Pemuda negeri Kelantan dan di waktu itu saya Naib Yang Di-pertua peringkat bahagian, sama-sama orang Kelantan. Soal yang dibangkitkan tadi memang dalam Perlembagaan Negara pun hak tanah ini bidang kuasa Kerajaan Negeri. Soal permintaan dan soal tanah saya percaya tidak berbangkit kalau sekiranya perundingan dan perkara-perkara yang hendak dibuat itu dimajukan secara teratur secara perbincangan melalui Kerajaan Negeri.

Saya tertarik dengan jawapan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam, di mana saya menyebut, adakah Kerajaan Persekutuan cuba untuk menarik balik kewujudan JPP di negeri Kelantan? Tetapi apa yang dimaklumkan semalam bahawa sepanjang Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM6,000 juta telah dibelanjakan di negeri Kelantan. Kalaulah RM6,000 juta ini dibelanjakan bermakna secara langsung Kerajaan Pusat dapat membelanja wang tersebut untuk pembangunan negeri Kelantan dan soal tanah dan sebagainya itu tidak timbul, kerana telah begitu banyak telah dibelanjakan untuk pembangunan. Takkanlah pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam RM6,000 juta ini dibelanja atas angin.

Seterusnya bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna...

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Zain, adakah hendak

memberi laluan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tak apa.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa fakta yang diberi oleh Yang Berhormat tidak tepat. Berdasarkan taklimat yang saya pernah dengar daripada JPP, peruntukan tahun lepas yang diberikan kepada Kelantan sejumlah RM2 bilion tetapi yang digunakan oleh Kerajaan Kelantan hanya sejumlah RM1.6 bilion. Bermakna RM400 juta. Sudahlah peruntukan kecil ke Kelantan, tak mampu dibelanjakan dan kerana karenah pentadbiran dan soal pokok adalah soal dasar, janganlah Yang Berhormat berselindung. Saya hendak pastikan bahawa soal tanah soal pokok yang perlu diselesaikan kerana tanah ini milik Kerajaan Negeri. Jadi, apalah caranya? Sama ada Yang Berhormat boleh tolong selesaikan cepat - sama ada S46 masuk dengan UMNO buat kerajaan campuran, selesai masalah ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sebenarnya sebagaimana saya katakan tadi, soal pembangunan di Kelantan kalau betul-betullah Kerajaan Persekutuan ikhlas dan juga UMNO Kelantan ikhlas, sepatutnya soal peruntukan sebagaimana yang saya sebutkan semalam dan hari ini saya sebutkan lagi, sepatutnya kewujudan Jabatan Pembangunan Persekutuan tidak wujud di Kelantan kerana sejarah telah membuktikan semasa Allahyarham Tun Razak atau Allahyarham Tun Hussein

Onn negeri Kelantan juga diperintah oleh parti pembangkang, lain daripada Kerajaan Pusat tetapi soal kewujudan JPP tidak timbul di waktu itu. Kenapakah sekarang ini timbul? Kemungkinan kewujudan JPP pun ada muslihat yang hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, soal tanah kalaulah betul-betul ikhlas, untuk membangunkan negeri Kelantan seperti mana yang saya sebutkan tadi boleh Kerajaan Pusat dan juga pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan datang berunding supaya perkara ini dapat diselesaikan sebagaimana yang dikehendaki. Bagi kementerian... Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya minta persetujuan, adakah akan memberi laluan lagi kepada Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Saya sedia beri laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih. Dijemput, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak puas hati. Soal tanah ini biarlah kita bercakap dan kita mulakan dengan nawaitu baik. Ikhlas itu bermula dengan nawaitu baik, berbuat baik dan kesannya pun baik, insya Allah. Tetapi apa yang berlaku di Kelantan, cakap kita dengar lain, disandarkan dengan Quran dan Hadis, niat saya tak pasti tetapi apa yang berlaku tidak baik. Tanah yang kita minta sudah bayar premium tidak

diberi, apa lagi cara? Pusat Bahasa Arab sudah buat, dengan PAS macam tidak ada peraturan, macam tidak ada perundingan. Inikah cara? Sebab itu, soal ini perlu diselesaikan dengan baik, jangan jadikan rakyat jelata itu mangsa dan pemimpin-pemimpin bertanggungjawab termasuk saudara dan saudari yang ada di depan ini. Gunakanlah Dewan ini untuk kita selesaikan demi orang Kelantan - insya Allah.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagaimana saya terangkan tadi, kita mestilah letakkan asas nawaitu yang baik, ikhlas dan jujur. Jadi, yang dipersoalkan sekarang ini ialah kewujudan JPP saya rasa tidak ikhlas dan tidak jujur kerana di negeri-negeri lain tidak pernah wujud. Soal tanah kalau betul-betullah Kerajaan Persekutuan atau pemimpin-pemimpin UMNO, silalah datang berunding dengan kertas kerja apa yang hendak dibuat, saya rasa kalau nawaitu itu ikhlas dengan niat yang baik, kita orang Islam semestinya tidak akan menolak.

Bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kerajaan telah memperuntukkan Belanjawan tahun hadapan sebanyak RM88,099,100. Sehubungan dengan ini saya ingin membangkitkan berhubung dengan soal untuk membendung inflasi. Setakat ini usaha kerajaan melalui kementerian ini untuk membendung inflasi masih gagal dan kejayaannya masih sifar. Apakah tidaknya, harga ikan bilis, daging, ayam, pakaian dan makanan rakyat naik 20% semenjak setahun yang lalu. Bahan

binaan seperti simen naik daripada RM9.50 kepada RM14.00 walaupun harga rasmi simen RM10.50 sekampit setelah disemak semula oleh kerajaan. Harga kereta Proton Saga naik tiga kali dalam tempoh satu tahun dan surat khabar di negara kita yang setiap hari mengempen inflasi sifar telah naik daripada 80 sen menjadi RM1.00.

Adalah dibimbangkan apabila kakitangan awam beroleh RM2 bilion nanti, keadaan inflasi akan melambung begitu tinggi sehingga orang kampung tercekik lantaran tidak mampu untuk membeli. Kerajaan masih melaungkan kempen inflasi sifar - bayaran tol lebu raya khabarnya akan naik sebanyak 20%. Harga beras pula akan naik. Apakah inflasi sifar boleh wujud? Pada pendapat saya, dari segi sebenarnya kadar inflasi di negara ini di sekitar 12%. Angka 3.5% yang diumumkan oleh kerajaan adalah amat meragukan. Agaknya, orang yang menentukan 3.5% ini tidak pernah ke pasar ataupun ke super market ataupun tidak kisah lagi fasal wang dan kuasa belinya. Di samping itu, daya beli, purchasing power, dengan izin, Ringgit Malaysia terus menurun berbanding dengan dollar Amerika, dollar Singapura dan mata wang lain di dunia.

Defisit dagangan melebihi RM18 bilion pada bulan September 1995. Walaupun ini diketepikan oleh kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan kenyataan bahawa defisit itu cuma buat sementara dan perkara biasa melalui kenyataannya pada 27hb. September 1995.

Berbalik kepada Kementerian Belia dan Sukan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM110,707,000. Dengan peruntukan wang yang sebegitu rupa, sepatutnya kementerian ini memberi tumpuan yang lebih bagi

mewujudkan industri kecil-kecilan, small and medium industry, SMI, dengan izin di kampung-kampung supaya penghijrahan belia dan tenaga kerja ke bandar-bandar dapat dikawal.

Pada masa ini tiada dasar ke arah ini. Yang dipuja dan diutamakan ialah industri dikawasan-kawasan pembangunan yang berjadual di negeri-negeri tertentu sahaja. Akibatnya ialah penghijrahan yang tiada hentinya. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, kasih dan ikatan kepada kampung halaman akan hilang. Kampung akan menjadi lengang dengan penghuninya akan terdiri daripada orang-orang tua atau anak-anak muda yang terpinggir kehidupan mereka.

Dalam masalah ini, sepatutnya rancangan Rakan Muda itu digunakan sepenuhnya bagi mewujudkan sektor SMI tadi tanpa mengira fahaman politik mereka. Kalau ini dilaksanakan, bengkel elektronik, makanan, perabot, komponen-komponen jentera kecil-kecilan dan sebagainya akan bercambah di bawah SMI ini dan di kampung serta di rancangan FELDA seperti di bawah konsep Samuae-Undong yang dijalankan di Korea Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal undang-undang di Malaysia.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tak dapat beri laluan. Saya teruskan dahulu, selepas ini saya akan beri laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Minta teruskan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Menyentuh tentang undang-undang di Malaysia, nampaknya undang-undang di Malaysia adalah menjadi penghalang terbesar dalam usaha untuk mencapai demokrasi dan hak-hak politik jitu di negara ini.

Terdapatnya sekurang-kurangnya 9 Akta Parlimen yang menghalang pejuang politik untuk keadilan. Pertama, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1994, Akta Polis 1967, Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971/1975, Akta Pertubuhan 1966, Akta Hasutan 1948 dan Akta Penyiaran Nasional 1988.

Ringkasnya, kegiatan politik di negara ini terlalu terkawal oleh operasi di bawah kawalan Akta Polis 1967. Manakala Menteri Dalam Negeri berkuasa penuh di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, mahkamah tidak dibenarkan membuat keputusan atau penghakiman di atas apa jua keputusan Yang Berhormat Menteri.

Sementara itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menghalang pelajar universiti atau tenaga pelajar yang menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan peraturan dan arahan pihak berkuasa universiti, menerbit makalah untuk dicetak dan diedarkan, umpamanya perlu kelulusan.

Sesungguhnya semua Akta ini jika tidak tergamak untuk menghapuskannya, sudah sampai masanya untuk diubahsuai demi mewujudkan masyarakat sivil yang mementingkan hak-hak yang adil dan saksama. Kita bukan lagi di bawah keadaan

darurat. Komunis sudah menjadi sejarah. Kuasa yang ada pada eksekutif di bawah perkara 149 dan 150 Perlembagaan Persekutuan sudah mencukupi bagi menangani sebarang ancaman awam di negara ini dengan menggunakan kuasa-kuasa darurat pada bila-bila masa.

Dari segi hakikatnya, eksekutif tidak berhak menceroboh kebebasan yang berpatutan bagi rakyat sesuatu negeri atau negara, tetapi hanya kehakiman yang berwibawa teguh dan berani sahaja yang berupaya mengamalkan prinsip sejagat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan Parlimen yang diperuntukkan sebanyak RM40,050,000.....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, adakah bersetuju untuk memberi laluan?

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Sekejap lagi. Saya sudah beri dia peluang 3 kali, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak teruskan. Selepas ini saya akan beri.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih, minta teruskan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Berhubung dengan peruntukan Parlimen sebanyak lebih RM40 juta, saya difahamkan dengan perkembangan terbaru, dengan terdiri megahnya Putrajaya, saya difahamkan Parlimen kita masih tetap di sini. Jadi, saya berharap dengan peruntukan sebanyak RM40 juta, saya

rasa saya mencadangkan sudah sampai masanya pihak kerajaan dengan keluasan tanah tapak Parlimen ini untuk mendirikan rumah ataupun flat dan sebagainya untuk memberi keselesaan kepada pekerja-pekerja Parlimen untuk tinggal berdekatan dengan kawasan Parlimen. Sebab saya difahamkan banyak daripada kakitangan kita ini tinggal jauh dari tempat dia bertugas. Itu kalau difikirkan sesuai.

Yang kedua dalam soal Parlimen juga ialah soal kebersihan. Kalau kita lihat di tandas-tandas Parlimen, walaupun perkara ini telah beberapa kali disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat, nampaknya keadaan tandas kita masih lagi tidak berubah. Jadi, sudah sampai masanya, kalaulah kita dapat membina KLCC, bangunan yang canggih dan bangunan yang tinggi-tinggi, saya rasa Parlimen, tempat yang mulia ini sepatutnya biarlah dibuat elok dan selesa berbanding dengan setengah-setengah tandas di supermarket pun saya rasa lebih baik daripada apa yang ada di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sukan, saya bersetuju sangat saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada hari ini yang mengatakan bahawa kementerian akan menggubalkan satu akta khas berhubung dengan kedudukan atlet-atlet kita. Apa yang mendukacitakan kita, kalau kita lihat seimbis bayang peristiwa yang berlaku di Chiang Mai baru-baru ini, dalam sejarah, saya rasa tahun inilah pungutan pingat kita paling merosot, terutama sekali bagi permainan-permainan yang dahulunya kita sebagai juara dan

menguasai permainan tersebut seperti sepak takraw dan sebagainya.

Apatah lagi dari segi bolasepak. Negara kita telah bergerak ke arah profesional tetapi apa yang terjadi di Sukan SEA baru-baru ini nampaknya taraf profesional negara kita tidak mendapat apa-apa kejayaan sebaliknya Vietnam, negara yang baru dalam sukan itu dapat mengalahkan kita. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, rata-rata orang mengatakan bahawa masalah pentadbiran dan disiplin yang menyebabkan ahli-ahli sukan kita pencapaiannya begitu merosot.

Saya tidak tahulah apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sama ada Majlis Sukan Negara, KOAM kerana ada didapati ahli-ahli sukan kita tidak kenal Pak Menteri mereka sendiri. Ini satu perkara yang amat mendukacitakan. Jadi, saya harap Kementerian Belia dan Sukan kalau boleh apatah kita lagi pada tahun 1998 akan menghadapi SUKOM, jadi kalaulah ini prestasi yang digambarkan oleh ahli-ahli sukan kita, saya kluatir tahun 1998 kita tidak akan ke mana-mana. Sekurang-kurangnya kalau kita menjadi tuan rumah, seharusnya kita mendapat pungutan pingat yang banyak sebagaimana yang dilakukan oleh Thailand menjadi tuan rumah. Menjadi sejarah Sukan SEA dapat memungut pingat emas lebih daripada 138 pingat emas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hanya sekadar itulah sahaja yang saya sempat untuk mengambil bahagian sama dalam perbahasan Belanjawan 1996 dan saya mengharapkan segala teguran-teguran dan cadangan saya ini merupakan teguran yang membina. Janganlah seperti sidang yang lepas, banyak saranan dan teguran

saya tidak dijawab oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Kerana di Dewan yang mulia ini kita bebas mengeluarkan pendapat dan saranan untuk kepentingan, kemajuan negara Malaysia yang kita cintai ini. Terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan.

**5.02 ptg.**

**Puan Faridah binti Abu Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini merupakan ucapan yang pertama saya dalam Dewan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, di atas kepercayaan melantik saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz kerana cadangan dan sokongan di atas perlantikan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti dan menghayati kandungan Belanjawan 1996 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan secara jelas kesaksamaan dan keihlanan pemerintah yang bertanggungjawab. Golongan termiskin terus terbelah, golongan pelajar terus diberi perhatian. Para usahawan mendapat lebih bantuan. Karyawan juga diberi galakan untuk membina masyarakat yang beradab. Para pekerja mendapat imbuhan bersama pengecualian cukai dan banyak lagi kumpulan yang lain.

Sebenarnya bukan mudah untuk mengurus dan merencana sesuatu Belanjawan yang meliputi semua kepentingan yang ada. Meskipun tiada gading yang tidak retak, bumi mana yang tidak disirami hujan, saya berpendapat Belanjawan 1996 adalah satu penyerlahan kebijaksanaan mengurus ekonomi yang diketuai oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim yang semakin nyata menghampiri status economy wizard, dengan izin, abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada berusaha mengurangkan tekanan inflasi dan menggalakkan rakyat menabung menerusi insentif pelupusan cukai atas pelbagai jenis simpanan, banyak lagi sektor yang mendapat manfaat daripada Belanjawan ini. Sektor pengembangan ilmu perubatan, mereka yang kurang bernasib baik, kaum wanita dan belia, sektor hartanah, pasaran modal serta sektor pemeliharaan alam sekitar turut tidak dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, penguasaan dan pengimbangan ilmu dapat mencetuskan perkembangan minda umat sejagat. Usaha meningkatkan martabat keilmuan golongan pelajar terus diperhebatkan. Kesedaran bahawa rakyat yang terpelajar dan mahir boleh menyumbang terhadap pembangunan masa depan negara, maka langkah pelupusan cukai jualan komputer dan perisian begitu tepat sekali.

Maka adalah menjadi tanggungjawab para pengurus dan pentadbir sekolah, pusat pengajian tinggi dan jabatan pendidikan untuk merancang secara bijak penyediaan kemudahan komputer di institusi yang berkaitan. Kita faham Tuan

Yang di-Pertua, tidak semua anak yang bijak datangnya dari keluarga yang berada dan mampu memiliki komputer. Oleh itu, dengan pemansuhan cukai komputer ini, langkah wajar perlu diambil untuk memperbanyakkan set-set komputer di sekolah dan pusat pengajian tinggi untuk faedah golongan pintar yang tidak berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan juga turut menghapuskan duti import dan cukai jualan semua peralatan asas perubatan. Langkah ini dijangka dapat mengurangkan bayaran rawatan pusat rawatan swasta. Saya berharap pihak swasta tidak mencuri peluang ini untuk menempah keuntungan yang berlipat ganda, sebaliknya mereka perlu menurunkan kadar bayaran pesakit kerana ini dapat menggalakkan lebih ramai pesakit ke klinik swasta, seterusnya boleh mengurangkan kesesakan klinik dan hospital kerajaan.

Selaras dengan pelepasan cukai untuk sumbangan bagi tujuan kesihatan, pihak korporat dan badan bukan kerajaan perlu memperluaskan sumbangan masing-masing kepada Persatuan Orang-orang Buta, Majlis Kanser Malaysia, pusat pesakit jantung, buah pinggang dan membiayai pesakit tenat untuk rawatan lanjut di dalam dan di luar negeri. Kepada golongan korporat yang telah mendapat faedah daripada pelbagai perancangan kerajaan, perlu turut memikul tanggungjawab sosial di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan penghargaan kepada kerajaan kerana wanita sebagai serikandi yang menjadi tulang belakang rumah tangga

sebagai pendidik dan pengasuh generasi masa depan tidak dilupakan dalam Belanjawan ini. Usaha mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak di semua jabatan kerajaan serta pelepasan cukai anak kepada suami atau isteri diperlihatkan sebagai penghargaan kerajaan kepada sumbangan wanita selama ini. Saya berharap penubuhan pusat jagaan kanak-kanak ini dapat diadakan secepat mungkin kerana ia boleh menjadi inspirasi ibu yang bekerja untuk meningkatkan produktiviti bagi faedah negara.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita ialah supaya pihak majikan yang menubuhkan pusat jagaan ini dapat menyerapkan kakitangan sendiri sebagai pengasuh yang terlatih supaya pusat ini terus dengan baik dan tidak terbengkalai di tengah jalan. Jika berlaku kegagalan dan kelemahan dalam perjalanan pusat ini akan menimbulkan kegelisahan kaum pekerja wanita yang akhirnya akan menjejaskan mutu dan produktiviti jabatan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penempatan kadar levi bagi hartanah milik kepentingan asing dilihat sebagai usaha untuk tidak menggalakkan rakyat tempatan dengan mudah menjual harta kepada orang luar. Buat apa kita bermegah dengan pemilikan asing di negara sendiri sedangkan sebenarnya milik kita semakin terhakis hari demi hari? Kita tidak mahu bak kata pepatah ataupun bidalan, "menang sorak kampung tergadai".

Menyentuh mengenai peruntukan bagi pemeliharaan alam sekitar yang melebihi RM47 juta, ia memang tepat pada masanya, penambahan denda

kepada kilang-kilang yang melanggar syarat dengan membuang sisa toksid secara berleluasa perlu dilakukan segera sebelum lebih banyak pihak yang menjadi mangsanya.

Audit persekitaran harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya kilang-kilang yang beroperasi mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kecenderungan kapal-kapal asing yang melepaskan geram di perairan negara kita dengan membuang minyak dan toksid adalah dikesali. Peraturan yang lebih ketat harus digubal bagi menyelamatkan lebih banyak hidupan laut daripada tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang melebihi RM183 juta untuk memperbaiki sistem perparitan di bandar mencegah hakisan pantai dan mengindahkan sungai serta lebih RM100 juta untuk langkah-langkah mencegah banjir begitu penting sekali. Desakan pembangunan yang rakus oleh setengah pemaju swasta dan juga pembangunan terancang yang dijalankan kadangkala menjadi penyebab sistem aliran sungai, longkang, parit menjadi masalah dan tidak lancar perjalanannya.

Kita tidak mahu banjir besar seperti yang berlaku di Seberang Perai Utara, di Kuala Lumpur baru-baru ini terus menjejaskan keharmonian penduduk untuk keluar bekerja, berniaga dan berurusan harian.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat tumpuan kerajaan memberi pembelaan yang lebih setimpal kepada warga tua, kanak-kanak cacat, anak-anak yatim dan mangsa penderaan sebagai satu bukti bahawa mereka tidak pernah dilupakan.

Saya amat terharu dengan pelupusan cukai bagi Belanjawan perubatan ibu bapa yang dinaikkan ke paras RM5,000. Dalam konteks ini, sesuai dengan dasar warga tua yang dilancarkan oleh kerajaan pada 29hb. Oktober untuk terus memberi perlindungan dan penjagaan terhadap warga tua.

Saya berharap anak-anak akan menjadi lebih prihatin dengan tidak menghantar ibu bapa yang tua dan uzur ke rumah orang-orang tua. Alasan bahawa banyak karenah dan telatah yang sukar dimengertikan menjadi penyebab anak-anak tidak lagi sanggup membela dan melindungi ibu bapa tidak boleh diterima lagi. Sebagai anak-anak yang matang berilmu dan tahu mengenang budi harus ada perasaan belas kasihan dan menghormati ibu bapa atau warga tua pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kali ini juga memberi peluang dan insentif ke arah penggunaan lebih banyak barangan tempatan seperti komponen kenderaan, barangan perkhidmatan dan juga bahan binaan. Galakan ini tentunya akan menggerakkan pengeluaran barangan tempatan yang lebih bermutu, malah mengurangkan perbelanjaan luar negara atau tukaran asing juga sebagai senjata mengurangkan defisit semasa.

Potongan cukai ke atas industri baik pulih jentera berat memberi harapan untuk mengatasi masalah pengimportan jentera berat bagi pelaksanaan projek raksasa seperti KLIA, Bakun dan lain-lain, kerana ia adalah penyumbang utama kepada peningkatan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai belia di negara kita, kaum belia juga turut mendapat tempat yang utama di dalam Belanjawan ini. Sebagai sumber tenaga utama ke arah menggerakkan negara menuju tahap merangsang ataupun kemajuan, Program Rakan Muda harus dihalusi semula untuk tidak melahirkan lebih ramai belia yang tipis iman, lemah pendirian, luntur semangat dan terarah kepada amalan yang merugikan.

Oleh itu, usaha-usaha positif perlu dilakukan untuk memperbanyakkan program yang dapat membentuk insan seperti gemar beribadah, beriadah, berkarier dan terlibat dengan kerja-kerja bakti dan kemasyarakatan. Harus diperbanyakkan kem-kem motivasi dan pembinaan minda bina insan dan khemah ibadat bagi membawa para belia keluar daripada budaya khayalan yang dibelenggu rasa kecewa dan patah semangat.

Saya berharap Program Rakan Muda juga lebih menjurus kepada program-program yang dapat membentuk kemahiran atau "skill" individu, dengan izin, seperti bidang binaan, membaiki kenderaan, pertanian, kraftangan dan lain-lain.

Saya tidak menafikan bakat remaja dalam bidang seni, tetapi harus ada usaha untuk tidak membiarkan mereka tenggelam dalam corak kebudayaan yang natijah mengalpakan mereka daripada menunaikan tanggungjawab, sebagai generasi yang akan meneruskan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa hujah pada hari ini berhubung dengan soal LIMA dan industri aerospace. LIMA '95 telah berakhir dengan

penuh kejayaan dan ianya adalah kebanggaan Malaysia.

Dunia telah mengiktiraf LIMA '95 sebagai satu atur cara dalam kalender pertunjukan udara, sebagaimana yang dilaporkan 50 firma dan organisasi berkaitan telah memberi sokongan akan menyertai LIMA '97. Sebahagian besar kejayaan adalah hasil usaha penglibatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang telah memberi perhatian dan mengikuti perkembangan dari permulaan LIMA '91. Minat Yang Amat Berhormat Dato' Seri adalah faktor utama dalam pertumbuhan dan pembangunan dalam industri aerospace dan aviation di negara ini. Jumlah jualan di LIMA '95 seperti yang telah dilaporkan di dalam akhbar melebihi RM750 juta, ini akan ditambah dengan lebih RM2 bilion hasil daripada 19 Memorandum Persefahaman yang telah dimeteraikan.

Berkenaan dengan pembangunan perusahaan aerospace, kita tahu bahawa perusahaan aerospace akan dibangunkan ke tahap kelas dunia. Aerospace adalah bidang yang memerlukan teknologi yang tinggi, perusahaan ini adalah merupakan pemacu kepada teknologi-teknologi baru dan produk-produk teknologi kepada lain-lain perusahaan dan perindustrian.

Kerajaan perlu terus menyokong dan mengambil inisiatif bagi memangkinkan pertumbuhan perusahaan aerospace dengan lebih pesat dalam tahun-tahun akan datang kerana kejayaan perusahaan ini akan menaikkan taraf dan kebanggaan negara di merata dunia. Kerajaan memang telah memberi

komitmen dalam pembangunan rapat antara keperluan militeri dan komersil. Kebijaksanaan kerajaan dalam mengenakan Dasar Offset Program yang dimestikan kepada pembelian pesawat-pesawat militeri dan komersil amat tepat sekali, kerana ia memberi peluang pemindahan teknologi kepada negara ini.

Dalam bidang aerospace juga penglibatan swasta dan peluang-peluang usaha sama dengan syarikat-syarikat luar negeri satu strategi yang penting bagi mendapatkan pemindahan teknologi yang akan menguntungkan negara.

Kita perlu ingat bahawa perusahaan aerospace berkehendakkan penglibatan subkontraktor yang akan dapat pembahagian yang lebih bagi pembinaan kapal terbang. Putaran peluang-peluang perusahaan dijangka akan wujud begitu banyak seperti menyertai program vendor, pembuatan komponen, pengusaha IKS tempatan dan luar negara yang sudah terlibat dan perusahaan ini dijangka akan dijalinakan untuk subkontrak pembuatan komponen dan peralatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin industri penyelenggaraan pesawat tidak termampu kepada AIROD sahaja. Ia boleh juga melibatkan pesawat kecil kepunyaan persendirian di rantau ini, boleh dibangunkan di Malaysia oleh kerana pembangunannya memerlukan modal yang intensif dan menggunakan teknologi, maka sokongan kerajaan adalah kritikal.

Walau bagaimanapun, melalui strategi alliance dan pemindahan teknologi sasaran cadangan ini dapat direalisasikan dengan segera. Dalam perusahaan aerospace juga bukan setakat juruterbang sahaja rakyat Malaysia tetapi kita juga

boleh menyertai dalam bidang-bidang seperti bidang kejuruteraan, bidang penyelenggaraan, bidang komputer, peluang-peluang tekno keusahawanan yang melibatkan subkontraktor membuat komponen untuk menyokong perusahaan aerospace dan aviation di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira inilah sahaja ucapan saya yang ringkas di dalam Dewan ini dan sebelum mengakhiri ucapan saya dan setelah saya menganalisa saranan yang telah diutarakan tadi, saya dengan ini dan sukacitanya ingin menyokong Belanjawan 1996 yang menjadi teras perkembangan negara di akhir abad ke-20 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat N. Marimuthu.

### **5.22 ptg.**

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Sebelum menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1996, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara Belanjawan 1996. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang telah membentangkan Belanjawan yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh satu dua perkara sahaja. Kampung Tersusun. Kemajuan pesat negara kita Malaysia pada masa kini adalah atas sebab-sebab rakyatnya yang bersatu padu dan menyumbang tenaga bakti

mereka ke arah pembangunan tersebut. Dalam masa yang sama boleh dikatakan penduduk-penduduk luar bandar seperti di kampung-kampung dan ladang Felda juga menyumbangkan bakti mereka terhadap negara. Walaupun peruntukan kerajaan terhadap mereka ini terlalu sedikit, namun begitu mereka tidak merungut dengan keadaan tersebut malahan meneruskan tanggungjawab mereka terhadap negara. Walaupun bilangan mereka kecil tetapi mereka mampu untuk menaikkan atau menjatuhkan sesuatu negara atau parti, jadi diminta kerajaan tidak memandang remeh akan mereka ini. Dengan pembangunan yang pesat ini terjadi penghijrahan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar ke kawasan bandar. Maka, dengan ini kerajaan terpaksa mewujudkan kawasan-kawasan setinggan buat sementara waktu untuk menampung pertambahan secara mendadak ini. Walau bagaimanapun, lama kelamaan kawasan setinggan ini telah menjadi penempatan yang tetap dengan diberi nama sebagai kampung tersusun bagi mereka yang berhijrah dan kerajaan tidak mengambil kira tentang kemudahan-kemudahan asas seperti longkang dan parit, bekalan elektrik dan airnya. Kerajaan perlulah mengambil langkah segera untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut kepada mereka memandangkan peruntukan sebanyak, dengan izin, RM6.11 bilion. Ini cadangan awal disalurkan sebahagian besar untuk projek-projek ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam taklimat Kementerian Kewangan yang diadakan pada 13hb. ini telah menjanjikan untuk membawa isu ini ke hadapan. Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri kita.

Salah satu masalah sedang meruncing di negara kita Malaysia ialah penambahan penagih-penagih dadah. Walaupun telah banyak langkah serta tindakan yang diambil oleh kerajaan, namun demikian peratus penagih dadah yang benar-benar dapat dipulihkan amatlah mendukacitakan. Mengikut statistik, setelah penagih dadah itu dimasukkan ke pusat serenti dan dibebaskan setelah penagih dadah itu diakui dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat sekitarnya. Namun demikian, hanya 30% daripada mereka yang dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat manakala selebihnya kembali ke tabiat yang lama. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, Malaysia mempunyai peratus pemulihan yang amat rendah walaupun perbelanjaan yang diperuntukkan semasa pemulihan itu bukanlah sedikit.

Pembentangan Belanjawan 1996 telah menunjukkan usaha kerajaan dalam menangani masalah ini. Peruntukan sebanyak RM33.1 juta disediakan bagi membina tujuh buah lagi pusat pemulihan di samping membesarkan dua pusat serenti yang sedia ada di Rawang dan Tampoi. Program-program yang disediakan juga dapat membantu penagih-penagih dadah ini untuk menjalani kehidupan yang normal setelah keluar dari pusat-pusat pemulihan ini. Oleh yang demikian, kerajaan diminta mengkaji cara-cara negara lain mengendalikan masalah ini dan mengatur program-program pemulihan dibuat dengan cara yang lebih efektif di samping menggunakan wang yang diperuntukkan dengan lebih bermakna lagi.

Malaysia telah mencapai kedudukan guna tenaga penuh. Kekurangan tenaga buruh tempatan perlu diatasi dengan kemasukan pekerja-pekerja asing mahir dan tanpa kemahiran. Apa yang menjadi persoalan kini, adalah sama ada pekerja-pekerja asing ini akan terus memantapkan pembangunan negara atau manipulasi negara dalam jangka masa yang panjang. Ini adalah disebabkan pengaliran keluar wang ringgit kita yang terlalu banyak ke negara-negara asing. Kehadiran pekerja asing ini juga telah menambahkan peratus kematian dalam negara tanpa diketahui punca sebenarnya sebab dalam sehari sekurang-kurangnya seorang akan mengalami kecederaan parah atau kematian yang ditunjukkan di dalam berita.

Harga barang-barang keperluan harian juga tidak boleh dikawal dengan alasan apa sahaja harga yang terletak pada barang itu akan dibeli oleh mereka tanpa menyoal atau mengurangkan harga barang tersebut.

Pekedai juga lebih cenderung untuk melayan mereka daripada melayan rakyat sendiri kerana kita selalu mahu mengurangkan harga barang. Oleh itu, sukacita diminta kerajaan membendung pengambilan pekerja asing untuk menjalankan kerja-kerja di negara kita dengan memikirkan cara-cara melatih rakyat sendiri untuk melakukan kerja-kerja tersebut supaya kegiatan mereka ini tidak melanggar matlamat asal mereka dibawa ke mari. Kita tidak mahu melihat kestabilan politik, ekonomi, keselamatan sosial negara ini tercemar dan diganggu-gugat dengan kemasukan orang-orang asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Audit, RM111 juta peruntukan untuk membina dan mengubah suai mahkamah. Tetapi apakah situasi dalam lokap polis? Lokap polis juga perlu diubah suai dan perlu membina lokap yang berasingan penjenayah. Orang yang disyaki atau suspect belum tentu masuk penjara, tetapi mereka dianiaya di dalam lokap. Mereka juga dipaksa untuk, dengan izin, mengadakan hubungan seks sesama lelaki, dan ada juga yang didera. Jika pengubahsuaian ini dilakukan, maka bolehlah orang yang belum pernah masuk lokap atau penjara diasingkan dari yang sudah pernah masuk kerana di antara mereka ada yang sangat jahat. Ada yang mahu lakukan semua perkara yang buruk kepada yang baru masuk lokap. Boleh dikatakan ‘meliwat.’ *[Ketawa]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Marimuthu, minta laluan.

**Tuan N. Marimuthu:** Ya. *[Ketawa]* Boleh.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Marimuthu. Saya pertama kali dengar dalam penjara ada liwat. Saya hendak dapat kepastian apakah ini Yang Berhormat dengar daripada kawan-kawan ataupun ada yang sudah keluar dan menceritakan perkara ini berlaku dalam penjara? Mohon penjelasan.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih. Perkara-perkara ini dimaklumkan kepada saya setelah banduan-banduan keluar dari tahanan. Kalau saya sendiri

bukti, saya sendiri mahu masuk lokap. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara sahaja, dengan izin. Penjelasan atas satu-dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sahabat saya Tuan M.G. Pandithan kelmarin. Berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa IPF adalah parti alternatif bagi parti MIC kaum India di negara ini. Saya salah seorang pemimpin parti MIC amat membantahnya. Parti MIC ditubuhkan 50 tahun dahulu dan akan menyambut ulang tahun yang ke-50 pada bila-bila masa sahaja dalam tahun ini. Ini bermakna kami telah mewujudkan dan berfungsi sebagai parti yang mewakili kaum India di negara ini bagi tempoh separuh abad ini dengan berkesan, dengan bertanggungjawab bersama-sama dengan parti seperti UMNO, MCA dan sebagainya.

Bagi Yang Berhormat untuk menyatakan IPF sebagai alternatif parti MIC, khasnya bila parti IPF belum dimasukkan dalam Barisan Nasional dan tidak boleh diwakili kaum India dengan rasminya, adalah amat sesuai. Jikalau IPF ingin memberi sokongannya kepada Barisan Nasional dan berfungsi sebagai parti persendirian, dipersilakan. *[Ketawa]* Setakat ini, sokongan IPF, Perdana Menteri dan parti-parti komponen telah terima. Kami tidak ada halangan atas sesiapa hendak memberi sokongan kepada Barisan Nasional. Tetapi jangan menggunakan berkaitan parti alternatif. Terima kasih. *[Duduk dan bangun semula]*

**Seorang Ahli:** Sudah habis?

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih. *[Ketawa]* Minta maaf, saya sudah

paniclah.

Ahkirnya, saya menyokong penuh Belanjawan 1996. Lagi sekali saya mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan merangkap Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin.

**5.37 ptg.**

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi untuk saya turut berbahas, berbincang, di samping itu menjelaskan beberapa perkara yang ditimbulkan oleh kawan-kawan, bersama-sama saudara dari Kelantan dalam Akta Perbekalan 1996 ini dan akhirnya akan menyokong Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaku rakyat Malaysia saya memang rasa bangga berada di negara Malaysia kerana perkembangan-perkembangan yang meyakinkan menjurus ke arah kecemerlangan bangsa dan tidak ketinggalan juga soal agama dan lain-lain. Kita melihat strategi yang semakin diperkukuhkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim melalui mengekalkan pertumbuhan mampan dengan inflasi terendah, memperkukuhkan keupayaan sektor perkhidmatan, mempertingkatkan pembangunan sumber daya manusia dan keupayaan teknologi dan meneruskan agenda-agenda pembangunan sosial.

Segalanya cukup terancang, pelaksanaan terbukti dan teruji, penilaiannya memuaskan. Cuma memang ada suara-suara yang masih bersikap penjual ubat kurap yang di tubuh badannya penuh dengan kurap, ataupun penjual ubat lemah tenaga batin, Tongkat Ali, tetapi dia sendiri tidak beristeri. *[Ketawa]* Maka

kepada golongan kecil ini usah dihiraukan, ataupun bahasa sedikit kesat 'persetankan' kerana ianya tidak membawa apa-apa erti dalam era negara yang sedang menuju ke matlamat yang jelas dan nyata.

Memanglah ini perkara biasa kalau kita Kerajaan Persekutuan tampil dengan sistem perbankan tanpa faedah, maka masih ada di dalam negara kita ini pembangkang tanpa faedah, tidak berfaedah yang bercakap tanpa meneliti diri sendiri, pandai mengkritik, berkokok macam ayam jantan, kokok berderai-derai ekor bergelumang tahi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dari Kelantan, perlantikan Senator saya adalah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Ada dua Senator dari Kelantan yang bercakap meletakkan kepentingan perlantikan mereka menggunakan kerusi ini semata-mata untuk mereka dengan melupa soal Kelantan, bercakap berbelit-belit, bersama dengan pemimpin-pemimpin mereka yang cuba memperalatkan apa sahaja, asalkan hak diri terjaga.

Saya merasa kesal selaku orang Kelantan, soal JPP ditimbulkan kononnya Kerajaan Persekutuan tidak ikhlas sedangkan apa yang berlaku di Kelantan jauh daripada tohmahan liar daripada pihak pembangkang yang bercakap yang sekadar memenuhi tuntutan untuk bercakap dengan ucapan yang disediakan tanpa memahami sebenar apa itu fakta-fakta yang tertera di atas kertas yang berada di hadapan.

Di Kelantan, setelah berlaku perubahan politik hasil daripada kerakusan kuasa mereka ataupun dendam kesumat hasil percaturan politik peringkat

kebangsaan di dalam urusan kepartian, akhirnya rakyat Kelantan menerima nasib, nasib yang seolah-olah tidak ada siapa yang membela dan nasib yang terus melanda walaupun pilihan raya telah berlaku untuk kali kedua, Kelantan masih di bawah tangan kerajaan yang bercakap tetapi tak tahu membuat ataupun tahu merampas tanpa mengira hak siapa asalkan kepentingan mereka terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita melihat kalaulah segala matlamat yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim mewakili Kerajaan Persekutuan, bermula dengan laporan bagaimana pendapatan per kapita rakyat Malaysia telah meningkat daripada RM6,216 kepada RM10,068, maka marilah kita wakil Kelantan tanya berapa pendapatan rakyat Kelantan, apakah rakyat Kelantan mampu ke tahap ini? Dan kalau tidak boleh, apa perkara untuk kita bersama memastikan rakyat Kelantan tidak tertinggal dalam kebangkitan arus utama pembangunan negara. Kalau kita ikhlas bercakap untuk membela rakyat, apakah kita tidak sanggup berkorban kerusikah, tempatkah, jawatan kitakah, setelah kita merasa nikmat daripada pembangunan negara ini kerana elaun atau apakah dibayar oleh kerajaan kepada mereka ini adalah hasil daripada kemajuan negara.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Hashim, ada yang minta laluan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Saya memang mengalu-alukan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Datuk Haji Hashim bin Safin daripada Kelantan di atas ucapan pembukaan tadi.

Sebenarnya, soal siapa yang ikhlas, tidak ikhlas, kalau hendak diperdebatkan - panjang. Cuma saya ingin memberi sedikit penjelasan berhubung dengan .....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Minta penjelasan, bukan memberi penjelasan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Saya hendak bertanya, siapa yang dendam, hukuman yang diterima oleh rakyat Kelantan? Sama ada Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Kelantan sekarang ini? Kerana soal subsidi baja, soal peruntukan itu, peruntukan ini, bagi mereka yang tidak menyokong parti UMNO tidak diberi, umpamanya subsidi baja padi. Jadi, siapa yang mendendam siapa, siapa yang menghukum rakyat Kelantan sebenarnya?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, akan sampai kepada perkara itu dalam ucapan saya yang tidak bertulis, oleh kerana terlampau lama, melekat di dalam kepala saya, ia akan keluar macam mesin fax. Saya tidak menyediakan nota apa-apa, hanya melihat buku ini sahaja. *[Sambil menunjukkan buku kepada Dewan]*

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan rakyat Kelantan memang rendah. Kedua, kadar kemiskinan golongan miskin berkurangan daripada 4% kepada 2.2%, ini

peringkat negara keseluruhan. Ini bermakna strategi membasmi sama sekali kemiskinan di kalangan golongan fakir sebelum tahun 2000 adalah realistik. Maka kita mahu bertanya, berapa peratus kemiskinan di Kelantan melebihi 7%, orang sudah turun kepada 2.2%, Kelantan meningkat 7%, berapa keluarga miskin? Kelantan negeri yang termiskin! 25,000 keluarga miskin. Tanya Tok Guru: “Macam mana masalah miskin?” “Takdir!”

Bila bercakap soal kemiskinan, berserah kepada takdir. Apakah kita tidak boleh berikhtiar? Kalau kita meletakkan politik di hadapan sehingga menjadi mangsa kepada rakyat, ini satu perkara yang tak baik. Saya Pengerusi Lembaga Tembakau Negara, kita hendak tanam, hentak tambah tembakau - tak boleh, hukumnya makruh!. Saya pun tahu makruh, kita ada wajib, ada sunat, ada makruh, ada haram.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan soal kemiskinan, antara makruh menanam tembakau di mana pendapatan daripada penanam tembakau hampir RM1 bilion putaran pendapatannya, menjual daun hijau hampir RM800 juta lebih, menjual kepada pengawit-pengawit dapat RM162 juta. Ini adalah usaha kita meningkatkan .....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Yang Berhormat duduk dahululah, selepas ini bolehlah, sehingga saya benarkan - bolehlah! Sebab saya ini tidak ada nota, nanti tidak boleh refer di mana, dia keluar begitu sahaja.

Tetapi, saya ingat, RM162 juta pendapatan oleh pengawit, RM834 juta oleh pengeluar daun hijau - penanam. Jadi, perkara ini dianggap makruh tetapi di antara makruh, wajib .....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri lagi, sehingga saya beri signal.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Hashim.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Ya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ada yang minta laluan, adakah bersetuju untuk memberi laluan?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Saya kata, saya tidak beri lagi sehingga saya beri signal, saya angkat tangan, okay, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Minta teruskan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Sekarang saya hendak berhujah soal wajib, sunat, makruh. Wajib - kalau tak buat berdosa. Sunat - kalau buat boleh dapat pahala, tak buat tak berdosa. Makruh - kalau tinggal boleh dapat pahala, buat pun tak berdosa. Haram - buat berdosa dan jangan buatlah.

Soal penanaman tembakau - hukumnya makruh, tetapi kalau kita tidak benarkan penanaman tembakau?...*[Disampuk]* sebahagian besar, saudara saya Datuk Ibrahim Ali pun tahu, kawasan dia ramai penanam tembakau, di Tanah Merah tidak ada, sedikit sahaja. Di kawasan Bachok, kawasan PAS - kita beri sebahagian besar penanaman tembakau adalah orang-orang PAS. Saya kenal dan saya check rekod penanam berdasarkan nombor kad pengenalan, tengok dalam komputer UMNO - ramai orang PAS. Kita beri kepada orang PAS, tidak

kisah. Tidak berbangkitlah soal Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain kata baja tidak beri - ini tohmahan. Memang kerja pembangkang tanpa faedah, inilah kerja dia.

Apa hukum antara orang yang lapar, anak tidak boleh pergi sekolah, tidak ada pendapatan, apakah tidak wajib, kita sebagai kerajaan, kita sebagai pemimpin dan kita pegawai kerajaan untuk memastikan “soru jangan miss”, pendapatan ada, nafkah boleh diberi kepada keluarga, pendapatan seorang penanam tembakau yang saya check dan pengawit individu yang kita beri kuota 1,500, dengan 1,500 dia boleh menjual dengan harga RM4.00 atau RM5.00 dapat RM3,500 - ini besar kepada orang kampung. Ini pula yang hendak dihalang.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya minta laluan, oleh sebab dekat sangat dia berilah. Bukan pakat, tetapi fasal dekat sangat, jadi, kita ini budaya sopan santun yang ada persefahaman - mudah sedikit. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Hashim Safin, tadi saya dengar wakil Kelantan bertanya tentang soal dendam. Apakah Yang Berhormat sedar apabila disebut soal dendam, dikatakan tidak beri baja dan seumpamanya. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa semua rakyat Kelantan mendapat baja. Malah yang dendamnya ialah pemimpin PAS, imam - lebih 400 orang dipecat, penghulu - hampir semua yang dilantik di bawah kerajaan Barisan Nasional habis dipecat, projek-projek kecil yang dikeluarkan melalui Majlis Daerah habis dapat kepada orang PAS, orang Semangat 46 pun tidak dapat, penyokong seperti Yang Berhormat Senator Zain pun tidak dapat - taubat pun tidak dapat. Saya tahu, Tuan Yang di-

Pertua.....

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Yang Berhormat .....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tanya kepada Datuk Haji Hashim, bukan tanya kepada dia. *[Ketawa]* Dia tidak tahu peraturan pula dah. Kalau dia tidak tahu peraturan, saya tidak kisahlah sebab saya hendak tanya Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin bahawa adakah beliau sedar wakil dari Kelantan tadi per kapita pun dia tidak faham apa maksudnya, kadar kemiskinan pun dia tidak faham apa maksud. Tadi, saya tanya di luar apa itu internet pun dia tidak tahu, jadi, buat sakit mulut sahaja bercakap dengan dia ini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Datuk Hashim, saya minta penjelasan diberi kepada soalan yang dikemukakan oleh Datuk sendiri tadi.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah, jiran. Kita mesti mengutamakan jiran, sebab Nabi pun mengajar kalau hendak memberi sedekah pun kepada yang terdekat. Oleh sebab saya lebih dekat kepada Datuk Ibrahim Ali, maka saya beri kepada dia. Taraf sama, tidak dibezakan, kita adil (al-adl wal-ehsan).

Tuan Yang di-Pertua, memang ini tohmahan, inilah yang saya kata, pembangkang tidak berfaedah, tohmahan liar, berdosa membuat fitnah, berdosa daripada membunuh, lebih baik bunuh terus sahajalah. Mana kita tidak beri, semua kita beri, cuma dibuat perantaraan di peringkat awal iaitu bila di dalam keadaan tidak stabil, kajian sedang dibuat oleh JPP di mana dituduh JPP tidak

betullah, niat tidak betul. Tetapi selepas daripada itu kita beri. Saya sendiri Ketua Bahagian, Datuk Ibrahim Ali Ketua Bahagian, kita sudah beri tahu kepada KPPM, KPPM kita beri semua, kita pergi ke kampung-kampung, rumah orang miskin tidak kira PAS atau tidak PAS, tetapi yang tidak betul ini ialah di sebelah sana yang tidak betul. Cukuplah Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain duduk dalam PAS ini atau dalam kerajaan APU ini, masuk UMNO cepat-cepat, kita bentuk kerajaan, kita bela rakyat Kelantan. Teraniaya sahaja rakyat Kelantan. Sudahlah, benda sudah lepas, Ku Li pun hendak menjadi Perdana Menteri tidak ada 'chance' dah - cukuplah. Betul.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Bolehlah.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada sebab mengapa Datuk Haji Hashim tidak memberi laluan kepada saya. Sebab semasa saya berucap tadi saya beri peluang sebanyak mana yang dia hendak tanya. Cuma akhir-akhir sahaja tidak beri. Jadi berhubungan dengan soal bercakap bohong, soal itu dan ini, tidak timbul kerana hanya Tuhan yang tahu, tetapi siapa yang bercakap bohong dialah yang akan menanggung akibatnya. Tetapi bagi saya, kenyataan saya bahawa dari segi pembahagian baja memang tidak adil.

Kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat Datuk, soal pengeluaran tembakau di negara ini dibangkitkan kerana kerajaan Kelantan tidak benarkan.

Jadi, saya hendak tanya di Malaysia ini, negeri manakah yang banyak sekali mengeluarkan tembakau di negara kita?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Negeri Kelantan yang paling banyak. Itu yang menjadi masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita pergi kepada point yang ketiga di mana jangka hayat penduduk Malaysia telah meningkat daripada 68.8 tahun kepada 69.7 tahun bagi lelaki, manakala bagi perempuan 73.3 kepada 74.2 - itu average, dengan izin. Tetapi di Kelantan nampak dari segi kesan kesihatan, mati semasa lahir masih besar, dan tekanan perasaan seperti susah hati, yang kemalangan pun semakin banyak kerana jalan berlubang kerana naik motosikal di kampung tidak ada lampu - saya sudah buat kajian, hasil daripada kesan sampingan kepada mundur dan semakin mundurnya Kelantan.

Sepatutnya orang ini boleh hidup lebih lama, tetapi kerana kemalangan di kampung-kampung oleh kerana jalan berlopak-lopak, jalan semakin sempit yang menyebabkan kesan hayat yang tidak 'natural' ini berlaku, iaitu tidak secara samulajadi ini berlaku, maka ia mati lebih awal. Memang kerja Tuhan, tetapi kita jangan hendak jual nama Tuhan macam Tuan Zain kata tadi - Tuhan yang tahu, memang Tuhan semua tahu, tetapi kita manusia kena buat, kita rancang "Tuhan tidak mengubah nasib seseorang" - Tuhan tidak mengubah nasib Zain - Usaha masuk Semangat 46 menjadi Senatorlah, kalau dalam UMNO belum tentu lagi. Usahalah juga itu, janganlah kita menjaja nama Tuhan, bawa nama Tuhan, Quran

dan Hadis sehingga kita memeralatkan rakyat. Ini yang saya tidak suka. Tuan Zain dahulu semasa saya Ketua Pemuda UMNO, Tuan Zain baik-baik dalam Pemuda UMNO, kenapa lari?

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan, satu lagi perkara yang saya nampak, minggu lepas saya balik.....

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita fikir, logik atau tidak logiknya kesan daripada tekanan kerajaan Kelantan, macam kata Datuk Ibrahim Ali tadi, dia pecat penghulu, dia pecat imam, dia pecat pegawai-pegawai di Majlis Daerah dan sekarang dia sedang mengugut 70 orang guru di bawah Yayasan Islam Kelantan yang pro UMNO. 6 orang sudah dipecat, masih diberi tunjuk sebab dan ada dalam temuduga ditanya kenapa sokong UMNO dan kenapa tidak boleh sokong PAS?

Ada seorang Mudir di sekolah di kawasan saya, Sekolah Menengah Arab Bukit Mas yang mati, umurnya 45, saya datang melawat. Isterinya mengatakan mudir ini tertekan perasaan kerana mudir ini pernah menjadi Setiausaha kepada peti undi saya di dalam kawasan saya. Dia tertekan perasaan kononya, dia pun akan dipecat dan memanglah mudir ini ada lemah jantung - mengikut cerita isteri dia. Dan mengikut cerita isteri dia, satu hari bila dia terima surat, dia termenung dan dia tengok suami dia peluk bantal 3 - saya tidak tahulah apa maksud bantal 3 ini, barangkali panggung satu, pegang satu dan kepala satu - agaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa itu? Bantal tiga?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Dia peluk bantal tiga, bukan isteri tiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya tidak faham. Mungkin Datuk Hashim lebih tahu tentang perkara ini.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Yang mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tentang isteri lebih daripada satu itulah.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Boleh ajar kalau hendak. *[Ketawa]* Dan boleh tolong “cross the border”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Cerita dia kata memeluk bantal tiga, termenung. Biasanya dia kata, kalau suami dia bila ada masalah, dia selalu peluk bantal tiga dan berdasarkan cerita, masalahnya bila terima surat arahan, mereka yang nampak pro-kerajaan, pro-UMNO atau Barisan Nasional akan dipecat. Dia fikirilah fasal anak ramai, pendapatan berapa sangat, kalau dipecat apa hendak jadi, tertakdirilah meninggal dia dan ada lagi dua, tiga orang. Cikgu Azhar hari itu berjumpa saya. Dia merasa risau akan dipecat dan ada dua cikgu lagi di kawasan saya itu ada lebih kurang 10 ustaz ataupun cikgu di bawah Yayasan Islam Kelantan ini sedang menerima ancaman kerajaan negeri untuk dipecat.

Ini dalam kaitan soal umur itu saya cerita. Tetapi kembali kepada soal guru yang dipecat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan terus. Alhamdulillah, kita sudah bentang Akta Pendidikan Baru 1995 dan akan

diletakkan segala-galanya di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan dan saya harap, perkara ini selesai cepat. Dapatlah sekolah-sekolah Arab ini mari dan sebagainya masuk di bawah Sistem Kebangsaan.

Saya lihat di sini, laporan prestasi di bawah aktiviti pendidikan Islam dan moral ini, kerajaan memperuntukkan begitu besar sampai RM100 juta lebih dan antara aktiviti yang dibuat ialah menempatkan guru-guru Kerajaan Persekutuan di sekolah-sekolah agama rakyat dan juga sekolah agama negeri.

Maka di Kelantan, tidak kurangnya sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat yang dibina oleh kerajaan negeri. Kita hantar guru pergi membantu, guru daripada Kementerian Pendidikan, Kerajaan Persekutuan. Yayasan Islam Kelantan sedang mengambil tindakan pada guru-guru mereka yang pro-UMNO. Ada yang mati kerana kejutan. Ada yang dibuang kerja.

Maka saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan supaya meneliti cepat perkara ini dan mengkaji 70 orang guru di Yayasan Islam Kelantan itu untuk dibela kerana pembelaan ini perlu berlaku, mereka ini tidak ada kerja lain lagi. Nafkah perlu diberi, isteri sudah ada, anak sudah ramai dan mereka perlu meneruskan hidup.

Mengharapkan kerajaan yang kononnya adil, Islamlah, hendak membangun bersama Islam ini, tidak mungkin. Bahkan mengkhianat bersama Islam. Apa nasib mereka ini? Maka, saya minta Kementerian Pendidikan mencadangkan guru ini diambil, kebetulan sekarang kita ada program KDC (Kursus Dalam Cuti), serap

guru ini kepada Kursus Dalam Cuti bagi mereka sambung rezeki mereka, anak mereka, isteri mereka, jangan mereka teraniaya di bawah tangan kezaliman Kerajaan Kelantan yang berlambangkan Islam tetapi melakukan sesuatu dengan penuh kezaliman.

Tuan Yang di-Pertua, di segi kemudahan kesihatan. Kita melihat di segi kebangsaan, kemudahan kesihatan, nisbah doktor:penduduk berkurangan daripada 2,533 kepada 2,063. Manakala bilangan klinik desa bertambah daripada 2,547 kepada 3,246. Lagi sekali esok, bila kita bercakap soal pembangunan, saya rasa perkara ini perlu diselesai segera kerana bila kita bercadang untuk mengadakan projek pembangunan, seolah soal tanah adalah soal pokok untuk kita mulakan pembangunan.

Pengambilan tanah belum berlaku. Kerajaan negeri perlu mengizinkan. Ketua Jajahan ataupun Ketua Daerah (D.O.) perlu memberi kerjasama tetapi apa yang berlaku di Kelantan, kerjasama tidak boleh didapati kerana arahan tertentu. Kalau D.O. ataupun pegawai jajahan di Kelantan atau Pegawai Daerah di sini, menunjukkan kerjasama mereka juga akan dipanggil, akan diambil tindakan, akan ditukar sehingga timbul krisis baru di antara istana dengan kerajaan negeri kerana pertukaran pegawai kerajaan.

Kerajaan negeri cuba menentukan pegawai-pegawai kerajaan negeri, Pegawai Jajahan ataupun D.O. tadi mengikut selera negeri sedangkan D.O. seorang yang berwibawa. Mungkin tidak mahu mengikut. Akhirnya terpaksa

ditukar ke sana, tukar ke sini. Bila istana campur tangan, maka kerajaan negeri mula renggang dengan istana dan Semangat 46 pun sudah tunggu. Sebab itu saya kata, baiklah Yang Berhormat Mohd. Zain, kita selesaikan cepat-cepat. Buat apa dok tunggu-tunggu.

Kembalilah, kalau sudah kita sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan. Kita bersama masuk arus utama pembangunan, jangan siksakan rakyat Kelantan kerana mereka juga adalah rakyat persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Yang Berhormat Datuk Hashim maksudkan Semangat 46 ini sesat di hujung jalan?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Memang, Tuan Yang di-Pertua, dia sudah sesat. Yang sudah kembali, banyak. Yang jambatan sudah bakar tetapi tidak sempat hendak bina mungkin lambat sedikitlah tetapi kalau yang di atas jalan raya itu boleh kembali cepat-cepatlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Mohd. Zain senyum sahaja.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Saya bercakap masa Naib Ketua Perhubungan Negeri, dia Naib Ketua Pemuda Bahagian Pengkalan Chepa. Anak buah sayalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kaitkan sedikit dengan soal penanaman tembakau. Selaku orang yang agak tahu tentang tembakau ini, kalau kita lihat dari segi peruntukan, bila saya semak dari segi peruntukan, nampaknya peruntukan tahun ini dikurangkan sejumlah RM22,200.

Di sini, saya suka bangkitkan lagi sekali, soal tembakau ini merupakan soal yang kontraversi di mana satu pihak memang kerajaan melarang, kempen anti-

merokok, segala media elektronik dilarang secara langsung; iklan rokok, Dunhill, Benson, Salem secara halus masih boleh. Tadi, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali mengatakan sudah haram, sudah dicegah, diharamkan merokok penerbangan dalam dan luar negeri kecuali Jepun kerana masih merokok. Jadi, kempen anti-merokok besar.

Walau bagaimanapun, kesannya apabila saya lihat laporan daripada pihak pengilang rokok, tuntutan ataupun demand untuk merokok masih juga meningkat tetapi kita perlu kawal. Bila keperluan merokok masih berlaku, maka kita perlu menanam tembakau. Kalau kita hendak import tembakau daripada luar negara, lagi sekali kita menambahkan defisit negara kerana kita guna tembakau sejumlah 12 juta kg. Setakat ini kita hanya guna tembakau tempatan 60% sedangkan 40% ataupun kadang-kadang 30% masih diimport. Kalau kesemuanya perlu diimport, tidak tanam tembakau, macam kata di Kelantan tadi tidak perlu tanam, maka keluaran duit ke negara luar akan bertambah, defisit negara semakin meningkat.

Kedua, penanam tembakau masih perlu, kita perlu memberi peningkatan kerana usaha menanam tembakau ini adalah untuk membela menaikkan taraf masyarakat di laur bandar yang tidak ada kerja lain. Tempat yang kita pilih pun adalah tempat yang sudah tidak sesuai untuk tanaman lain - di kawasan Bachok, kawasan Pasir Puteh, kawasan tanah beris - hendak tanam tanaman lain tidak boleh kita terpaksa belanja lebih. Walaupun menggunakan wang yang agak besar, penanam-penanam ini perlu diberi peluang untuk mendapat rezeki untuk anak-anak dan isteri mereka, maka kita boleh melihat bagaimana pembelaan perlu diberi kepada 35,000 keluarga penanam tembakau dan dalam hal pembelaan ini, saya harap pihak Kemterian Kewangan perlu menimbang semula. Dalam peruntukan ini sudahlah peruntukan hanya RM4 juta lebih untuk tahun depan, dipotong

lagi sedangkan penanaman tembakau ini dapat menghasilkan dari segi pendapatan keseluruhan kepada penanam RM832 juta, kepada pengawit RM162 dan kepada pengilang lebih daripada RM1 bilion - berbilion kepada pengilang-pengilang rokok. Maka perniagaan dalam industri tembakau ini begitu besar tetapi kerana dasar sebegitu rupa, kita di dalam keadaan dilema, dalam keadaan tersepit. Walaupun tersepit, perlu kita teruskan sehinggalah ke satu tahap kita boleh membuat gantian. Walaupun pernah dicadangkan boleh digantikan dengan bunga raya, juice bunga raya boleh dikeluarkan jika ditanam di kawasan sama tetapi ianya masih belum boleh memastikan dari segi pasaran dan juga dari segi pengeluaran untuk mengganti penanan-penanam tembakau ini dari segi hasil dan rezeki mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian ataupun kerajaan mencadangkan kalau selepas daripada ini peruntukan tambahan dipohon oleh Lembaga Tembakau Negara melalui Kementerian Perusahaan Utama, insya Allah, mudah-mudahan ditimbanglah demi pembelaan kepada golongan matlamat kumpulan sasaran, iaitu petani-petani di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal lain saya rasa banyak telah disentuh, sama ada soal sukan dan sebagainya, saya tidaklah hendak mengambil masa lebih banyak kerana ramai kawan yang perlu bercakap, mungkin seorang ataupun dua orang lagi boleh bercakap, cuma untuk merakamkan rasa prihatin saya kepada rakyat Kelantan, lagi sekalilah saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini kepada saudara-saudara saya, kalau tadi suara saya berbunyi tegas atau

keraskah sedikit, Zain memang kenallah saya ini memang baik, lemah-lembut tetapi kalau dah keras itu, keras juga. Kia harap selepas daripada ini langkah pertama, kita bersama dan kalau ketiga-tiga parti bersama, alhamdulillah, saya tetap mengatakan, di hadapan saya rakyat Kelantan. Alhamdulillah, saya berasa bersyukur di tengah kemewahan negara ini, rakyat Kelantan bukan minta dilahirkan untuk menjadi penanam tembakau ataupun miskin. Kalau boleh mereka hendak jadi senator semua, hendak jadi menteri semua, tetapi tidak boleh. Yang pentingnya kita perlu bekerjasama.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terakhir, bolehlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Datuk Hashim Safin. Cuma sebelum dia mengakhiri dan duduk, saya hendak bertanya sedikit. Adakah Datuk bersetuju dengan saya bahawa negeri Kelantan tidak ada pembangunan tetapi rakyatnya hidup makmur. Ini berdasarkan harga barang-barang di Kelantan murah, hasil padi boleh dihantar ke negeri-negeri lain, kemudian dari segi pengangkutan kapal terbang, Kota Bharu ini ada 7 penerbangan sehari dan kadang-kadang 11 penerbangan, bas ekspres ada 70 buah dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Singapura. Ini bermakna, rakyat Kelantan tidak ada pembangunan tetapi rakyat Kelantan mewah. Adakah Datuk bersetuju?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana Senator tidak boleh menilai orang yang naik kapal terbang itu. Fikirlah, janganlah ikut cara Nik Aziz lagi. Nik Aziz, dia sekolah pondok. Kita ini sudah hendak masuk tahun 2000 hendak nilai itu. Memanglah orang Kelantan ramai. bekerja di Singapura pun naik kapal terbang, tetapi mengapa mereka bekerja di Singapura? Bekerja di Pulau Pinang pun naik kapal terbang, tetapi duit itu dari Pulau Pinang kerana di Pulau Pinang ada kilang, Zain! Please! Tolong! Faham! Dan inilah yang kita lihat, Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hashim, sila rujuk kepada nama Yang Berhormat....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Ya, Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** ‘Tuan’ pun boleh. Tak payah sebut Yang Berhormat. Sebut ‘Tuan Mohd. Zain’, jangan sebut ‘Zain’ sahaja.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Fasal saya terlalu rapat dengan dia, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu dia panggil saya, Abang Hashim tetapi sekarang sudah tak panggil lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, inilah modal-modal yang dibawa semasa kempen dahulu. Tok Guru Nik Aziz cakap, ‘macam mana orang Kelantan ini sesak?’ Sesak itu miskinlah, Tuan Yang di-Pertua. Ini kita perlu jaga - naik kapal terbang ramai, lima kali sehari, enam kadang-kadang tambah. Sesak macam mana orang Kelantan? Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bukan kita nilai dari segi naik

kapal terbang, Yang Berhormat Senator. Kita nilai dari segi kenyataan, facts, fizikal dan sebagainya - fakta-fakta yang saya sebutkan tadi. Tolonglah! Sebab itulah saya minta Yang Berhormat Senator Mohd. Zain Daud kembalilah bersama. Saya ikhlas hendak menolong rakyat Kelantan ini, aniaya, aniaya! Cukuplah dengan modal-modal lama ini, campakkanlah ke Pantai 'Cahaya Bulan'. Kalau kita menang besok kita tukarkan kepada Pantai 'Cahaya Barisan Nasional'.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah mengakhiri dan saya lihat Senator Mohd. Zain Daud tersenyum. Alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta Perbekalan 1996, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Rahaiah.

**6.17 ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Belanjawan 1996 ini merupakan satu Belanjawan yang dialu-alukan oleh wanita, iaitu wanita Malaysia kerana peruntukan tertentu menampakkan dengan jelas pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan wanita dalam pembangunan negara. Semoga peruntukan ini dapat meningkatkan lagi produktiviti wanita di seluruh negara.

Wanita kini boleh memilih untuk pelepasan cukai menanggung anak yang mana selama ini dinikmati oleh suami sahaja. Ini amat wajar memandangkan bahawa sudah ramai wanita yang bekerja yang sememangnya menanggung

keperluan seisi keluarga. Ia juga mengembirakan kerana peruntukan ini memberi pembelaan sewajarnya kepada ibu-ibu tunggal. Di sini bukan saya bermaksudkan istilah ‘single parent’ macam di negara-negara Barat tetapi ibu tunggal ala Malaysia, iaitu ibu yang kematian suami dan ibu yang ditinggalkan oleh suami yang tidak bertanggungjawab. Mereka selama ini telah diabaikan dan kini telah diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Syabas, saya ucapkan kepada Kementerian Kewangan.

Seterusnya, oleh kerana seksyen 48 di atas telah dipinda, saya ingin menarik perhatian kepada seksyen 46 di mana peruntukan bagi menambah peruntukan perbelanjaan perubatan bagi ibu bapa daripada RM1,000 kepada RM5,000 dan berkenaan dengan kelengkapan sokongan, iaitu ditulis di dalam huraian untuk individu, isteri, anak dan ibu bapa dan juga seterusnya saya cadangkan di atas semangat yang sama dengan pindaan seksyen 48 tadi ditambah perkataan ‘suami’ selepas perkataan ‘isteri’ atau dalam bahasa Inggerisnya bukanlah ‘his wife’ tetapi ‘spouse’ kerana ramai juga wanita yang menyara suami-suami yang tidak berupaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam aspek apa itu?

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tidak berupaya menyara dirinya.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Sairin minta laluan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Berapa

peratuskah suami yang ditanggung oleh isteri-isteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanpa keupayaan?

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Saya minta maaf tentang peratusan, tetapi oleh kerana kita ini pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi, pasti kita telah berjumpa dengan wanita-wanita ataupun wanita yang terpaksa menanggung beban tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila teruskan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Seterusnya, saya juga amat tertarik dengan peruntukan yang diberi kepada jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk mewujudkan pusat penjagaan anak-anak di tempat kerja. Kini nyatalah bahawa kerajaan bukan sahaja berkata, “buat ini, tetapi buatlah apa yang kami buat”.

Ternyatalah bahawa wanita-wanita kakitangan kerajaan menyambut baik peruntukan ini, tetapi gunatenaga wanita bukan sahaja berada di sektor kerajaan, tetapi lebih ramai lagi di sektor swasta, terutamanya di sektor perkilangan dan perindustrian. Benar, Belanjawan 1994 dahulu telah memberi insentif yang begitu baik kepada majikan-majikan di pihak swasta, tetapi kini selepas pembentangan Belanjawan 1995 pun keadaan tidak banyak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan Menteri Sumber Manusia bahawa kini cuma 15 majikan sahaja yang berjaya menubuhkan pusat penjagaan anak di tempat kerja mereka. Saya merasakan bahawa 15 buah ini amat mengecewakan. Mengikut Menteri tersebut, berbagai kemudahan telah diberikan

dan halangan-halangan juga telah dibereskan, tetapi masih dingin sambutan mereka. Mungkin pelepasan cukai sahaja tidak begitu menarik buat mereka dan mereka memerlukan lebih sedikit tekanan.

Saya rasa sudah sampai masanya Kementerian Sumber Manusia menggunakan sedikit kuasa dan mewajibkan di tempat-tempat tertentu, misalnya jika ada lebih 50 orang pekerja wanita dan ada anak-anak yang perlu berada di bawah jagaannya, mewajibkan majikan tersebut menyediakan pusat penjagaan anak-anak mereka sebagaimana diperuntukkan di dalam sektor perladangan.

Seterusnya, melihat daripada peruntukan di atas, jelaslah Belanjawan ini menampakkan kesungguhan kerajaan dalam membentuk masyarakat penyayang dan menitikberatkan kesejahteraan kehidupan berkeluarga dan di masa yang sama menentukan bahawa tahap gunatenaga kita sentiasa penuh dan kadar pengangguran kita sentiasa rendah. Semoga dengan ini wanita dapat terus memberi sumbangan yang produktif kepada pembangunan ekonomi negara.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan buku-buku teks di sekolah-sekolah, baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Apa yang menggelikan hati kecil saya ialah, di masa saya bersekolah dahulu, masalahnya bukanlah tidak ada bekalan buku yang cukup, tetapi guru-guru di masa itu juga dipertanggungjawabkan untuk mengajar walaupun buku tidak cukup. Setelah merdeka, kini anak-anak dan cucu-cucu saya juga menghadapi masalah yang sama.

Saya rasa sudah 30 tahun berlalu, sudah berkerajaan sendiri selama 40

tahun, kita masih di tahap yang lama juga. Kalau dahulu tidak cukup buku, maka sekarang, dengan peruntukan yang beratus-ratus kali ganda dan kemudahan yang tidak pernah diduga, walau apa alasan sekalipun, kita masih belum dapat menangani masalah kekurangan buku teks.

Kementerian haruslah bersedia supaya menyelesaikan masalah kekurangan buku teks ini dan diselesaikan tahun ini supaya pada tahun 1997 nanti, kita tidak akan bertanya dan bercakap masalah kekurangan juga kerana kalau begitulah keadaannya, tahun 2020 pun belum selesai agenda kekurangan buku teks ini. Kementerian sekarang harus memikirkan tentang menyediakan pelajar-pelajar kita dengan penggunaan komputer yang meluas. Komputer haruslah dibekalkan di kesemua sekolah di seluruh negara dan apabila disebutkan bekalan di sini, saya maksudkan bukan bekalan yang kita simpan cantik-cantik dalam bilik-bilik yang tertentu dan disimpan rapi, ditonton oleh para pelajar sahaja.

Saya harus tekankan bahawa komputer ini haruslah diguna pakai oleh murid-murid daripada sekolah rendah dan sekolah menengah supaya apabila murid-murid ini keluar daripada sekolah, mereka mampu untuk menghadapi segala cabaran komputer di tempat mereka bekerja ataupun di pusat pengajian tinggi itu.

Oleh itu, saya ingin Kementerian Pendidikan dapat memberi free access of the computers to the students kerana majoriti daripada pelajar-pelajar ini, terutamanya pelajar-pelajar di luar bandar begitu asing dengan komputer.

Di sini juga apabila saya sebutkan berkenaan dengan bilik-bilik sekolah,

oleh kerana keperluan bilik-bilik telah pun diperuntukkan untuk keperluan tersebut. Contohnya, macam bilik komputer dan juga bilik-bilik pusat sumber dan lain-lain aktiviti kokurikulum membuatkan kekurangan bilik darjah di kebanyakan sekolah telah meruncing. Di sini juga, kita balik ke situasi dahulu yang mana pelajar-pelajar datang ke sekolah belajar di bilik darjah sementara dan di bawah pokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada melihat di sebuah sekolah di sebuah kampung yang muridnya terpaksa belajar di sebelah dapur kantin sekolah tersebut dan juga disekat sebahagian daripada kantin sekolah supaya dijadikan sebuah bilik darjah. Bukan sahaja ruang kantin telah berkurangan, tetapi pelajar-pelajar kita belajar dalam keadaan tidak memberangsangkan.

Di masa yang sama juga.....

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Rahaiah, hendak beri laluan?

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Saya minta penjelasan tentang sebutan sekolah-sekolah yang menumpang di kantin-kantin. Di kawasan manakah sekolah-sekolah itu diletakkan?

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Maksud kawasan di sini, kawasan Parlimen atau kawasan apa?

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tempat, sama ada bandar atau kampung?

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Di sini bukanlah satu sekolah yang dimaksudkan. Ada dua tiga buah sekolah. Malah, baru-baru ini saya pergi ke sekolah, boleh saya sebutkan bahawa sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan Sayong yang mana.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sayong di Peraklah!

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Ya. Boleh saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Di masa yang sama juga, jika kementerian mendirikan sekolah yang mahal harganya di kampung-kampung, saya menyarankan bahawa sekolah-sekolah itu perlulah dijagai keselamatannya dengan sentiasa menjamin pagar di sekeliling sekolah tersebut dipastikan dalam keadaan yang baik dan jika telah uzur, iaitu dimakan usia, diperbaiki mengikut kadar jangka hayat pagar-pagar tersebut berakhir.

Seterusnya Rancangan Malaysia Keenam berhasrat mengurangkan kadar kemiskinan rakyat termiskin dari 4% kepada 2% pada akhir rancangan yang mana tinggal beberapa hari sahaja lagi. Tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya merealisasikan hasrat tersebut sehinggakan kadar kemiskinan golongan termiskin dilaporkan sebagai 2.2% sahaja. Saya percaya 0.2% yang dianggap kurang itu amat minimum.

Walau macam manapun, beberapa pandangan saya dapat diperbaiki oleh

kerana selalunya dasar yang telah digubal oleh kerajaan memang berdaya maju. Sememangnya boleh diuji, tetapi yang selalunya bermasalah adalah pelaksanaannya.

Sebagai contoh, pegawai-pegawai daerah telah diberi banyak kepercayaan untuk melaksanakan dasar-dasar di peringkat daerah-daerah dan kampung-kampung dan di masa yang sama, mereka juga mempunyai penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sebagai badan sokongan kepada mereka.

Apa yang membimbangkan saya ialah cara-cara pengendalian program-program untuk rakyat disampaikan kepada rakyat. Maafkan saya kerana tidak dapat memberi kajian yang menyeluruh dan maklumat yang saya paparkan di sini tidak dapat memberi sokongan yang kuat, tetapi ternyata jentera-jentera tadi adalah penting dan perlu diberi perhatian dan diperbetulkan jika perlu, dengan kadar segera.

Saya pernah beri satu contoh semalam di mana titi-titi yang sama telah pun diperbaiki setiap 2 tahun sekali. Kalaupun pegawai-pegawai kerajaan di tahap setempat, dapat mengkaji bahawa jambatan ataupun titi-titi tersebut dapat dibuat yang lebih kekal, maka peruntukan yang sama tidaklah diberi pada tiap-tiap dua tahun dan yang membimbangkan saya juga adalah cara pengendalian program-program ini.

**Tuan yang di-Pertua:** Puan Hajah Rahaiah, sila sambung besok ya.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita tangguhkan, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam senarai yang ada di hadapan saya sekarang ini, catitan yang dibuat di sini, yang berminat hendak berbahas, yang memberikan nama pada hari ini ialah Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Tuan Tan Swee Hueng, Datuk Maidom P. Pansai, Dato' Haji Mohd. Zuki dan Tuan Haji Sairin.

Saya percaya ada lagi kesempatan besok, saya rasa. Jadi, peluang akan diberikan kepada nama-nama yang saya sebut tadi dan juga kepada mereka yang akan bangun besok untuk berbahas. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***

(a)



